S A R A W A K

PENYATA RASMI PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI

Sarawak State Legislative Assembly Official Reports and Debates

MESYUARAT PERTAMA BAGI PENGGAL KELIMA

First Meeting of the Fifth Session

11 MEI 2026 – 20 MEI 2026

DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK KESEMBILAN BELAS

Nineteenth Sarawak State Legislative Assembly

RABU

20 MEI 2026

(3 Zulhijjah 1447H)

KUCHING

BELUM DISUNTING

Peringatan untuk Ahli Dewan:
Pembetulan yang dicadangkan oleh Ahli Dewan hendaklah disampaikan secara bertulis kepada Setiausaha Dewan Undangan Negeri Sarawak tidak lewat daripada **14 hari selepas persidangan.**

KANDUNGAN

1.0 PEMASYHURAN DARIPADA TUAN SPEAKER..... 1

2.0 SAMBUNGAN PERBAHASAN USUL PENGHARGAAN ATAS UCAPAN TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI SARAWAK

[Penggulungan daripada para Menteri]

(a) Timbalan Premier Sarawak; Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar Kedua Sarawak; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.82 Bukit Sari

(YB Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan)……... 1

(b) Timbalan Premier Sarawak; Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan Sarawak; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.82 Bukit Sari

(YB Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan)……... 16

(c) Timbalan Premier Sarawak; Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Kedua Sarawak; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.37 Bukit Saban

(YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas)……. 24

(d) Timbalan Premier Sarawak; Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan Sarawak; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.37 Bukit Saban

(YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas)……. 37

(e) Premier Sarawak; Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Sarawak; Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar Sarawak; Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.26 Gedong

(YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg)……... 48

Pencadang : Ahli Dewan Undangan Negeri N.28 Lingga

(YB Puan Dayang Noorazah bte Awang Sohor)……... 58

[Ucapan Ringkas daripada Ahli Yang Mencadang bagi Melulus Ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri]

Penyokong : Ahli Dewan Undangan Negeri N.49 Ngemah

(YB Encik Anyi anak Jana)…… 60

3.0 USUL PENANGGUHAN

Timbalan Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan (Pelancongan); dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.73 Piasau

(YB Datuk Sebastian Ting Chiew Yew)…….. 60

4.0 PENANGGUHAN PERSIDANGAN..... 63

SARAWAK
DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK KESEMBILAN BELAS

Penyata Rasmi

MESYUARAT PERTAMA BAGI PENGGAL KELIMA

Rabu, 20 Mei 2026

Dewan bermesyuarat di Petra Jaya, Kuching pada pukul 9.12 pagi

HADIR

Bil.	Nama	Konstituensi
1.	Yang Berhormat Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Asfia bin Awang Nasar P.S.M., D.A., P.N.B.S., D.S.A.P., D.I.M.P., P.B.K., P.C.E. (Emas) *Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak*	
2.	Yang Berhormat Dato Haji Idris bin Haji Buang P.S.B.S., D.I.M.P., A.M.N., P.B.S., A.B.S., P.C.D., P.J.P.N., P.T.E. *Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak*	*N.16 Muara Tuang*
3.	Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg D.P., P.M.N., S.P.D.K. (Sabah), D.A., P.N.B.S., J.B.S., P.C.E., P.S.N.B. (Brunei), Order of the Rising Sun, Gold and Silver Star (Japan) *Premier Sarawak* *Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru* *Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar* *Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar*	*N.26 Gedong*
4.	Yang Berhormat Datuk Amar Douglas Uggah Embas D.A., P.N.B.S., P.G.B.K., P.C.E. *Timbalan Premier Sarawak* *Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Kedua* *Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan*	*N.37 Bukit Saban*
5.	Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan D.A., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N. *Timbalan Premier Sarawak* *Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar Kedua* *Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan*	*N.82 Bukit Sari*
6.	Yang Berhormat Datuk Amar Dr Sim Kui Hian D.A., P.N.B.S., P.J.N., P.B.E. *Timbalan Premier Sarawak* *Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan*	*N.14 Batu Kawah*
7.	Yang Berhormat Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah P.N.B.S., P.G.B.K., P.C.E. *Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti*	*N.56 Dalat*

8.	Yang Berhormat Dato Sri Dr Stephen Rundi anak Utom P.N.B.S., P.J.N., A.B.S., P.B.E., P.C.E. *Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah*	*N.69 Kemena*
9.	Yang Berhormat Dato Sri Haji Abdul Karim Rahman Hamzah P.N.B.S., P.G.B.K., P.B.S., P.B.E. *Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan* *Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan*	*N.15 Asajaya*
10.	Yang Berhormat Dato Sri Lee Kim Shin P.N.B.S., P.J.N., K.M.N., P.B.S., P.P.B., B.B.S., P.B.E. *Menteri Pengangkutan*	*N.75 Senadin*
11.	Yang Berhormat Dato Sri John Sikie anak Tayai P.N.B.S., P.J.N., P.B.S., P.B.E. *Menteri di Jabatan Premier*	*N.60 Kakus*
12.	Yang Berhormat Dato Sri Haji Julaihi bin Haji Narawi P.N.B.S., P.G.B.K., P.B.S., K.M.N., P.P.D., P.B.E. *Menteri Utiliti dan Telekomunikasi*	*N.27 Sebuyau*
13.	Yang Berhormat Dato Sri Roland Sagah Wee Inn P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.K., P.B.S., P.B.E. *Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat*	*N.20 Tarat*
14.	Yang Berhormat Datuk Gerawat Gala P.G.B.K., P.S.B.S., P.B.K. *Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Buruh, Imigresen dan Pemantauan Projek)*	*N.78 Mulu*
15.	Yang Berhormat Datuk Francis Harden anak Hollis P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., P.B.E. *Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat (Pembangunan Bakat)*	*N.32 Simanggang*
16.	Yang Berhormat Datuk Dr Jerip anak Susil P.G.B.K., A.M.N., P.B.E. *Timbalan Menteri Pengangkutan (Penerbangan dan Jalan Raya)*	*N.19 Mambong*
17.	Yang Berhormat Datuk Liwan Lagang P.J.N., P.P.N., K.M.N., J.B.S., P.B.E. *Timbalan Menteri Utiliti dan Telekomunikasi (Telekomunikasi)*	*N.65 Belaga*
18.	Yang Berhormat Datuk Hajah Rosey binti Haji Yunus P.G.B.K., J.B.K., P.P.B., P.P.S., P.T.E., P.B.E. *Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti (Pembangunan Wanita dan Kanak-Kanak)*	*N.71 Bekenu*
19.	Yang Berhormat Datuk Haji Len Talif Salleh P.G.B.K., D.J.B.S., P.B.K., P.P.B. *Timbalan Menteri Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah dan Alam Sekitar*	*N.41 Kuala Rajang*

20.	Yang Berhormat Datuk Dr Haji Abdul Rahman bin Haji Junaidi P.G.B.K., J.B.S., A.B.S., P.B.E. *Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Penyelaras Projek untuk Agensi Pembangunan Wilayah, Dewan Bandaraya Kuching Utara dan Hal Ehwal Islam)*	*N.4 Pantai Damai*
21.	Yang Berhormat Datuk Hajah Sharifah Hasidah binti Sayeed Aman Ghazali P.G.B.K., P.T.E., J.B.S. *Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Undang-undang, MA63 dan Hubungan Negeri-Persekutuan)*	*N.7 Samariang*
22.	Yang Berhormat Datuk Dr Malcolm Mussen anak Lamoh P.G.B.K., P.B.S., P.T.E. *Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan*	*N.34 Batang Ai*
23.	Yang Berhormat Datuk Dr Haji Abdul Rahman bin Haji Ismail P.G.B.K., A.B.S., P.T.E. *Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi & Pembangunan Wilayah (Industri Makanan)*	*N.79 Bukit Kota*
24.	Yang Berhormat Datuk Dr Penguang Manggil P.G.B.K., D.J.B.S., K.M.N., P.P.C., P.P.B., P.P.S., P.T.E. *Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Kerajaan Tempatan)*	*N.76 Marudi*
25.	Yang Berhormat Datuk Snowdan Lawan P.G.B.K., A.M.N., P.T.E., P.C.E. *Timbalan Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan (Industri Kreatif dan Seni Persembahan)*	*N.30 Balai Ringin*
26.	Yang Berhormat Datuk Abdullah bin Haji Saidol P.G.B.K., K.M.N., J.B.K., P.T.E. *Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Hal Ehwal Korporat dan Unit Komunikasi Awam Sarawak)*	*N.42 Semop*
27.	Yang Berhormat Datuk Sebastian Ting Chiew Yew P.J.N., D.I.M.P., A.B.S. *Timbalan Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan (Pelancongan)*	*N.73 Piasau*
28.	Yang Berhormat Datuk Ir. Aidel bin Lariwoo P.G.B.K., P.B.S., P.T.E. *Timbalan Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan (Pembangunan Infrastruktur)*	*N.24 Sadong Jaya*
29.	Yang Berhormat Datuk Dr Ripin bin Lamat P.G.B.K., J.B.K., K.M.N., P.T.E. *Timbalan Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan (Pembangunan Usahawan)*	*N.72 Lambir*
30.	Yang Berhormat Datuk Dr Haji Hazland bin Abang Hipni P.G.B.K., K.M.N., J.B.S., P.T.E. *Timbalan Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar*	*N.5 Demak Laut*

31.	Yang Berhormat Datuk Maclaine Ben @ Martin Ben P.G.B.K., J.B.S., P.T.E. *Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi & Pembangunan Wilayah (Komoditi & Pembangunan Wilayah)*	*N.22 Kedup*
32.	Yang Berhormat Datuk Ricky @ Mohammad Razi bin Sitam P.G.B.K., K.M.N., J.B.S., P.T.E. *Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti (Kesejahteraan Komuniti)*	*N.35 Saribas*
33.	Yang Berhormat Datuk Henry Harry anak Jinep P.G.B.K., P.S.B.S., A.B.S. *Timbalan Menteri Pengangkutan (Sungai dan Laut)*	*N.2 Tasik Biru*
34.	Yang Berhormat Datuk Dr Juanda bin Jaya P.G.B.K., DATO' MURSHID DIRAJA, S.S.P. *Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Integriti dan Ombudsman)*	*N.44 Jemoreng*
35.	Yang Berhormat Datuk Gerald Rentap Jabu P.G.B.K., P.S.B.S., A.B.S., P.P.N., J.B.K. *Timbalan Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan (Pembangunan Belia dan Sukan)*	*N.36 Layar*
36.	Yang Berhormat Datuk Majang anak Renggi P.G.B.K., P.S.B.S., P.B.K., A.B.S. *Timbalan Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan (Pembangunan Pelabuhan)*	*N.70 Samalaju*
37.	Yang Berhormat Datuk Jefferson Jamit anak Unyat P.G.B.K., B.B.S., P.B.S., K.M.N., J.B.S. *Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Undang-undang dan Adat Bumiputera)*	*N.63 Bukit Goram*
38.	Yang Berhormat Datuk Michael Tiang Ming Tee P.G.B.K., P.B.S. *Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Kesihatan Awam dan Perumahan)*	*N.54 Pelawan*
39.	Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Haji Baki P.G.B.K., A.B.S., J.B.S., P.S.B.S. *Timbalan Menteri Utiliti (Sarawak Energy Berhad dan PETROS)*	*N.8 Satok*
40.	Yang Berhormat Dato' Sri Huang Tiong Sii P.G.B.K., D.I.M.P., S.S.A.P.	*N.45 Repok*
41.	Yang Berhormat Dato Fazzrudin bin Haji Abdul Rahman P.S.B.S., J.B.K., P.B.S.	*N.6 Tupong*
42.	Yang Berhormat Tan Sri William Mawan anak Ikom P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S., P.P.D. (Emas)	*N.47 Pakan*
43.	Yang Berhormat Datuk Mong anak Dagang P.G.B.K., J.M.N., P.B.S., P.P.D., P.B.K., P.B.E.	*N.31 Bukit Begunan*
44.	Yang Berhormat Dato Palu @ Paulus Palu Gumbang P.S.B.S., A.M.N., P.B.S., J.B.K., P.T.E.	*N.80 Batu Danau*

45.	Yang Berhormat Dato Dennis Ngau P.S.B.S., J.B.S., P.B.S., P.T.E., B.B.S.	*N.77 Telang Usan*
46.	Yang Berhormat Dato Haji Razaili bin Haji Gapor P.S.B.S., P.T.E., P.B.S.	*N.29 Beting Maro*
47.	Yang Berhormat Encik Chong Chieng Jen	*N.9 Padungan*
48.	Yang Berhormat Puan Violet Yong Wui Wui	*N.10 Pending*
49.	Yang Berhormat Encik See Chee How	*N.11 Batu Lintang*
50.	Yang Berhormat Datuk Ding Kuong Hiing P.J.N., A.B.S.	*N.46 Meradong*
51.	Yang Berhormat Dato Ir. Lo Khere Chiang P.S.B.S., B.B.S., J.B.K.	*N.13 Batu Kitang*
52.	Yang Berhormat Dato Mohd Chee bin Kadir P.S.B.S., A.B.S., P.B.S., P.J.P.N., J.B.S.	*N.40 Kabong*
53.	Yang Berhormat Dato Miro anak Simuh P.S.B.S., P.B.S.	*N.18 Serembu*
54.	Yang Berhormat Dato Sri Wong Soon Koh P.N.B.S., P.G.B.K., A.B.S., P.C.E.	*N.53 Bawang Assan*
55.	Yang Berhormat Dato Rolland Duat anak Jubin P.S.B.S.	*N.48 Meluan*
56.	Yang Berhormat Encik Wilson Nyabong anak Ijang A.M.N., K.M.N., J.B.S.	*N.61 Pelagus*
57.	Yang Berhormat Encik John anak Ilus P.B.S., A.P.S.	*N.23 Bukit Semuja*
58.	Yang Berhormat Ir. Christopher Gira @ Gira anak Sambang P.B.K.	*N.59 Tamin*
59.	Yang Berhormat Encik Abdul Yakub bin Haji Arbi B.B.S., A.B.S., K.M.N., J.B.K.	*N.58 Balingian*
60.	Yang Berhormat Dr Haji Safiee bin Haji Ahmad J.B.K., P.P.B.	*N.43 Daro*
61.	Yang Berhormat Encik Kennedy Chukpai Ugon J.B.S., P.P.N., A.B.S.	*N.66 Murum*
62.	Yang Berhormat Encik Allan Siden Gramong P.B.S., A.B.S.	*N.50 Machan*
63.	Yang Berhormat Datuk Hamzah bin Haji Brahim A.M.N., P.M.W.	*N.17 Stakan*
64.	Yang Berhormat Encik Adam Yii Siew Sang A.B.S.	*N.74 Pujut*

65.	Yang Berhormat Puan Dayang Noorazah bte Awang Sohor P.B.S.	*N.28 Lingga*
66.	Yang Berhormat Dr Simon Sinang @ Sinang anak Bada J.B.K., A.B.S., P.B.S., K.M.N.	*N.21 Tebedu*
67.	Yang Berhormat Encik Billy anak Sujang P.B.S., P.P.B.	*N.1 Opar*
68.	Yang Berhormat Encik Yap Yau Sin P.B.S., K.M.N.	*N.12 Kota Sentosa*
69.	Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Duri P.B.K., A.B.S.	*N.38 Kalaka*
70.	Yang Berhormat Encik Johnichal Rayong anak Ngipa J.B.S., P.T.E.	*N.33 Engkilili*
71.	Yang Berhormat Encik Baru Bian	*N.81 Ba'Kelalan*
72.	Yang Berhormat Encik Friday anak Belik A.B.K., P.P.S., P.P.B., P.B.K., P.P.C.	*N.39 Krian*
73.	Yang Berhormat Encik Anyi anak Jana P.B.K.	*N.49 Ngemah*
74.	Yang Berhormat Encik Chieng Jin Ek P.B.S.	*N.51 Bukit Assek*
75.	Yang Berhormat Encik Royston bin Valentine J.B.K., A.B.S.	*N.57 Tellian*
76.	Yang Berhormat Encik Nicholas Kudi anak Jantai P.B.S.	*N.64 Baleh*
77.	Yang Berhormat Encik Johnny Pang Leong Ming P.B.S.	*N.68 Tanjong Batu*
78.	Yang Berhormat Encik Iskandar bin Turkee P.B.S.	*N.67 Jepak*

TIDAK HADIR

(Kebenaran di bawah Peraturan Mesyuarat 81)

Bil.	**Nama**	**Konstituensi**
1.	Yang Berhormat Datuk Dr Haji Annuar bin Rapa'ee P.G.B.K., J.B.S., P.T.E. *Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat (Pengajian Tinggi dan Inovasi)*	*N.55 Nangka*
2.	Yang Berhormat Dato Sri Tiong King Sing P.J.N., P.N.B.S., D.P.M.K., D.P.M.K., S.S.S.A., D.S.S.A., J.P.	*N.52 Dudong*
3.	Yang Berhormat Encik Awla bin Dris P.B.S., A.B.S.	*N.25 Simunjan*

4.	Yang Berhormat Encik Azizul Annuar bin Pehin Sri Haji Adenan J.B.K., P.B.S.	*N.3 Tanjong Datu*
5.	Yang Berhormat Encik Lidam anak Assan P.B.S.	*N.62 Katibas*

TURUT HADIR

1. Encik Nur Azhar bin Bujang
   Setiausaha Dewan Undangan Negeri Sarawak
2. Encik Abang Mohammad Adib bin Abang Sallehhadin
   Pemangku Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri Sarawak
3. Inspektor Nelson anak Ensit
   Bentara Mesyuarat
4. Inspektor Eldino Erick Joss
   Bentara Mesyuarat
5. Penolong Superintenden Hadyan bin Abd Rahman
   Bentara Mesyuarat
6. Penolong Superintenden Cornelius anak Philip Aso
   Bentara Mesyuarat
7. Penolong Superintenden Lydwilkyn Andar anak Umbau
   Bentara Mesyuarat
8. Inspektor Bryan Hansen anak Wennedy
   Bentara Mesyuarat

PETUGAS PERSIDANGAN

PEGAWAI UNDANG-UNDANG DAN PEMBACA PRUF

1.	Encik Adam Huang Tung Kai	*Jabatan Peguam Besar Negeri Sarawak*
2.	Puan Beatrice anak James	*Jabatan Peguam Besar Negeri Sarawak*

PEMBACA PRUF

1.	Puan Dorensia Dyonie Dominic	*Dewan Bahasa dan Pustaka Negeri Sarawak*
2.	Puan Saidatul Faiqah binti Samasu	*Dewan Bahasa dan Pustaka Negeri Sarawak*

JURUTRENGKAS

(Dikendalikan oleh Persatuan Setiausaha Profesional dan Pentadbir Sarawak (SSS))

1.	Puan Nurul Izza binti Jem	*Jabatan Peguam Besar Negeri*
2.	Puan Sharlina binti Mushar	*Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri*
3.	Puan Malin anak Arit	*Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri*
4.	Puan Nur Izzatul Fatihah @ Patricia Abdullah	*Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak*
5.	Puan Siti Noraishah Amalina binti Kaderi	*Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak*
6.	Puan Nor Shila binti Shamsuddin	*Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak*
7.	Puan Noor Afifah binti Bahaudin	*Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak*
8.	Encik Camillus Andreason anak Nicholas Mijer	*Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak*
9.	Puan Hazreenna binti Hussen Ali	*Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak*
10.	Puan Yarosa Tunggi	*Unit Audit Dalam, Jabatan Premier Sarawak (UAD)*
11.	Puan Pamela Mae anak Laweng	*Unit Komunikasi Awam Sarawak, Jabatan Premier Sarawak (UKAS)*

12.	Encik Mohd Alfadjer bin Tuah	*Pentadbiran Bahagian Kuching*
13.	Puan Nurzatul Atikah binti Sahak	*Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak*
14.	Puan Nurhanisah Nadiah bt Mohamad Terki	*Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak*
15.	Puan Sophia anak Rangim	*Jabatan Pertanian Sarawak*
16.	Puan Mariadiba Naliza binti Marzuki	*Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS)*
17.	Puan Sylvia anak Chichik	*Jabatan Kastam Diraja Malaysia*
18.	Puan Nur Syakila binti Kasdinata	*Majlis Keselamatan Negara Negeri Sarawak*
19.	Puan Siti Aisyah Abdullah @ Rosemary Langub	*Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (STIDC)*
20.	Puan Dayang Duraiza binti Haji Awang Jangka	*Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak (NREB)*
21.	Puan Zuriawati binti Haji Mohd Laili	*Pustaka Negeri Sarawak*
22.	Puan Margaret anak Francis Bohui	*Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA)*
23.	Puan Anieta anak Sylvester Pungga	*Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC)*
24.	Puan Nurul Hafizha binti Osman	*Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC)*
25.	Puan Nursurfina binti Blassan	*Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC)*
26.	Puan Ratna Airnawati binti Md. Junaidi	*Perbadanan Pembangunan Perumahan (HDC)*
27.	Puan Sabtuyah binti Adeng	*Perbadanan Pembangunan Perumahan (HDC)*
28.	Puan Meri binti Sabas	*Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)*
29.	Puan Lilian Bian	*Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM)*
30.	Encik Azhwan bin Bujang	*Persatuan Setiausaha Profesional dan Pentadbir Sarawak (SSS)*

JURURAKAM PERSIDANGAN

1.	Puan Nordiana binti Rabaee	*Jabatan Penyiaran Sarawak*
2.	Puan Siti Nazilafatullaini binti Sukri	*Jabatan Penyiaran Sarawak*
3.	Encik Lee Chang Fu	*Jabatan Penyiaran Sarawak*
4.	Encik Shaharuddin bin Abdul Ra'afup	*Jabatan Penyiaran Sarawak*
5.	Encik Fareez Azizi bin Zakeria	*Jabatan Penyiaran Sarawak*

JURUCETAK

1.	Encik Mohd Nor Majidi bin Marekan	*Percetakan Nasional Malaysia Berhad*
2.	Encik Byreen anak Rona	*Percetakan Nasional Malaysia Berhad*

JURUTEKNIK IT

1.	Encik Abang Hasmadi bin Abang Wahab	*SAINS*
2.	Encik Mohamad Fadzly bin Arfan	*SAINS*
3.	Puan Kartini binti Asman	*SAINS*
4.	Puan Natasya binti Abdullah	*SAINS*
5.	Encik Ahmad Akmal Afiq	*SAINS*
6.	Encik Salihin bin Abu Seman	*SAINS*

MESSENGER

1.	Encik Mohamed Nazeerudin bin Gulam Mohamed	*Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak*
2.	Encik Andy anak John	*Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak*
3.	Encik Mohammad Zaidi bin Rambli	*Jabatan Pertanian Sarawak*
4.	Encik Lawrence Encharang	*Jabatan Pertanian Sarawak*
5.	Encik Helmy bin Abdul Rahman	*Jabatan Pertanian Sarawak*
6.	Encik Shah Riwandy Sia bin Ridzuan	*Jabatan Pertanian Sarawak*
7.	Encik Erdy Nurwiranata bin Eden	*Jabatan Pertanian Sarawak*
8.	Encik Mohamad Zahari bin Hamden	*Pejabat Agama Islam Bahagian Kuching*
9.	Encik Addison anak Fredrick	*Jabatan Tanah dan Survei Sarawak*
10.	Encik Fadillah bin Lokman	*Jabatan Tanah dan Survei Bahagian Kuching, Sarawak*

SEKRETARIAT PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK

1. Tuan Haji Abang Zaabar bin Abang Ballia
2. Encik Nurkhairudin bin Osen
3. Cik Noria binti Suut
4. Puan Nur Azira binti Abdul Kadir
5. Puan Rabiah binti Abdul Kadir
6. Puan Aisha Parveen binti Badron
7. Cik Genang anak Timbung
8. Puan Siti Norhiza binti Mohammad Yusri
9. Puan Hanisah Abdullah
10. Puan Hasfarini binti Hassim
11. Cik Nurhaffizah Abdullah
12. Puan Natasha Nadia binti Mohd. Saidi
13. Puan Angela Lisa anak Mathew Linol
14. Encik Felix Aaron anak Michael
15. Cik Sharina binti Sopian
16. Puan Patricia anak Peter
17. Encik Awang Mohammad Asyrul Jaya bin Awang Putra
18. Sarjan Terence anak Jayan
19. Puan Norziana binti Haji Ahmad
20. Puan Nur Eliana Abdullah
21. Puan Nazmah binti Darham
22. Puan Tracy Lyana anak Bana
23. Encik Muhammad Elliyas bin Matali
24. Encik Mohd Zulkhairy bin Mohammad Hejemi
25. Puan Dayang Nazira binti Abang Martaza
26. Puan Jasmine Sinja anak Robinson
27. Puan Dayang Noorazilla binti Jasni
28. Cik Parcelia Renyelia anak Pamg
29. Cik Nur Zafirah binti Affendy Michael
30. Puan Deidre anak Wilson
31. Cik Siti Nur Marsitah binti Abdullah
32. Puan Nur Amira Lystiani binti Poniman
33. Encik Razali bin Awi
34. Puan Nora binti Atem
35. Encik Zahari bin Bolhi
36. Encik Lukas Jammany anak Kated
37. Encik Ruzaimy bin Muhammad
38. Encik Hazrin Syah bin Hamzah
39. Encik Salman bin Jaya

40. Encik Alwie bin Haji Ali
41. Encik Romzi bin Bujang
42. Encik Musa bin Julai
43. Puan Suraya binti Hamden
44. Puan Noraisah binti Ahmad
45. Cik Siti Zalilah binti Samsawi
46. Encik Iz Mohd. Haiqal Hakeem bin Mahamud

PELAJAR PRAKTIKAL

1. Cik Tania Adilla binti Hamka
2. Encik Jefrey Jerry anak Juki
3. Encik Mohamad Ainul Hakim bin Mustapha

(Mesyuarat dimulakan pada jam 9:12 pagi)

[Tuan Speaker mempengerusikan Mesyuarat]

DOA

PEMASYURAN DARIPADA TUAN SPEAKER

Tuan Speaker: Bismilahirrahmanirrahim. Assalamualaikum W.B.T., selamat pagi dan salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat, I have granted the leave of absence under Standing Order 81 to Yang Berhormat Dato Sri Tiong King Sing, Honourable Member for N.52 Dudong for today sitting.

SAMBUNGAN PERBAHASAN USUL PENGHARGAAN ATAS UCAPAN TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI SARAWAK

Tuan Speaker: Dengan hormatnya saya menjemput, Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan, Timbalan Premier; Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar Kedua untuk menyampaikan ucapan penggulungan.

Timbalan Premier Sarawak; Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar Kedua Sarawak; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.82 Bukit Sari (YB Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan): Terima kasih, Tuan Speaker. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar atas Ucapan Perasmian Persidangan yang Dewan yang mulia ini pada 11 Mei 2026 yang lepas. Saya amat menghargai penekanan terhadap agenda pembangunan berteraskan Strategi Pembangunan Pasca COVID-19 2030. Di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Premier Sarawak, Sarawak terus melangkah dengan yakin melalui dasar pembangunan lestari dan transformasi digital yang progresif serta pembangunan bandar yang inklusif demi kesejahteraan dan kemakmuran rakyat Sarawak.

Di kesempatan ini juga, saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar atas penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan Universiti Tun Abdul Razak sempena Istiadat Konvokesyen UNIRAZAK Ke-24 pada 13 Disember 2025. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak atas pelantikan semula sebagai Pro-Canselor Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) pada 15 Mac 2026 yang lalu. Lantikan ini membuktikan khidmat bakti yang cemerlang Yang Amat Berhormat Premier kepada UNIMAS terus diiktiraf.

Di kesempatan ini juga, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang turut serta dalam perbahasan dan memberi pandangan yang bernas berhubung dengan perkara-perkara di bawah bidang Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar.

Program Pengukuran Tanah NCR Inisiatif Baharu

Tuan Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Sarawak sentiasa mengiktiraf dan mempertahankan hak rakyat ke atas tanah NCR mereka yang sahih dan diwujudkan selaras dengan peruntukan undang-undang tanah sedia ada. Melalui Program Pengukuran Tanah NCR Inisiatif Baharu yang telah dijalankan dari Oktober 2010 sehingga 30 April 2026, seluas lebih kurang 1,233,192 hektar atau 3,047,217 ekar telah berjaya diukur secara perimeter. Daripada jumlah itu, seluas lebih kurang 966,440 hektar atau 2,388,073 ekar telah pun diwartakan sebagai Rizab Komunal Bumiputera (Pertanian) di bawah Seksyen 6 Kanun Tanah Sarawak. Kerja-kerja pengukuran ini adalah berdasarkan permohonan daripada pihak yang terlibat.

Sejak tahun 2017, pengukuran turut fokus kepada lot individu bagi pengeluaran surat hak milik tanah di bawah Seksyen 18 Kanun Tanah Sarawak untuk kawasan yang telah diwartakan berdasarkan permohonan dan kesediaan penuntut. Sehingga 30 April 2026, sebanyak 110,815 lot individu telah berjaya diukur; melibatkan kawasan seluas 132,414 hektar atau 327,261 ekar telah dan akan dikeluarkan surat hak milik tanah di bawah seksyen 18 Kanun Tanah Sarawak. Bagi mempercepatkan pengukuran lot individu tanah NCR ini, penuntut tanah hendaklah hadir semasa pengukuran di lapangan; menanda sempadan tanah mereka dengan jelas dan mengelak pertikaian dalam membuat tuntutan agar pengukuran berjalan dengan lebih lancar. Kerajaan Sarawak komited dalam memastikan kelangsungan program ini dan akan terus menyediakan dana yang diperlukan di samping dana yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan.

Marine Cadastre

Tuan Speaker, selain memperkukuh tadbir urus tanah di daratan, kerajaan turut meluaskan pengurusan kawasan perairan melalui pembangunan *Marine Cadastre*. Sistem ini mengurus sempadan maritim, data ruang marin serta hak, sekatan dan tanggungjawab, iaitu *3R: right*, *restriction and responsibility*, merentasi permukaan laut, ruang air dan dasar laut, sekali gus menyokong ekonomi biru, *Sustainable Development Goals* (SDG) 14, pemantauan tuntutan ruang marin, perlindungan alam sekitar dan inisiatif *carbon storage* di bawah *Blue Economy Policy and Road Map* (SBEP) dalam PCDS 2030. *Marine Cadastre* turut memperjelas sempadan maritim bagi melindungi kepentingan Sarawak, mengurangkan pertindihan bidang kuasa dan mengintegrasikan perancangan ruang darat—marin ke arah rangka kerja spatial 3D yang lebih komprehensif. Pelaksanaannya, sedang berlangsung bagi tempoh 2026 hingga 2028, melalui kerjasama Jabatan Tanah dan Survei Sarawak dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor untuk memastikan pentadbiran kawasan dan sumber marin lebih cekap, berkesan dan holistik.

Skim Penempatan Semula (SPS) dan Skim Pembesaran Kampung (SPK)

Tuan Speaker, pelaksanaan program Skim Penempatan Semula (SPS) dan Skim Pembesaran Kampung (SPK) sejak Rancangan Malaysia Ke-4 (RMK4) merupakan komitmen dan keprihatinan Kerajaan Sarawak terhadap rakyat berpendapatan rendah yang memerlukan tanah untuk mendirikan rumah. Sejak tahun 2018, Yang Amat Berhormat Premier Sarawak telah menambahbaik polisi dengan memperkenalkan pembangunan infrastruktur spesifikasi baharu untuk dilaksanakan yang melibatkan jalan raya yang berturap, parit konkrit, lot-lot yang ditembok dan sistem retikulasi bekalan air serta bekalan elektrik di SPS dan SPK melibatkan purata kos pembangunan tidak kurang daripada RM150,000 bagi setiap lot. Atas keprihatinan Kerajaan Sarawak, bayaran premium tanah bagi setiap lot ditetapkan tidak melebihi RM2,500 dan pembayarannya boleh dibuat secara ansuran tahunan sehingga sepuluh tahun. Ini menunjukkan betapa prihatinnya Kerajaan Sarawak, Kerajaan GPS ini…(*Applause*)…Setahu saya, tidak ada di negeri-negeri lain di Malaysia ini, yang mempunyai skim sedemikian. Inilah kerajaan yang benar-benar memberi perhatian dan tumpuan terhadap kebajikan masyarakat kita.

Tuan Speaker, di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) sehingga 30 April 2026, sebanyak 28 projek SPS dan SPK telah diluluskan yang akan menyediakan sebanyak 2,761 lot kediaman dengan kos pelaksanaan dianggarkan berjumlah RM242.48 juta. Daripada 28 projek tersebut, tiga projek telah siap sepenuhnya mengikut skop pembangunan, tujuh projek dijangka siap pada penghujung tahun 2026, 11 projek dijangka siap pada penghujung tahun 2027 dan baki tujuh projek akan diteruskan pelaksanaannya sehingga penghujung RMK13.

Pembangunan Bandar Baharu, Pusat Perkhidmatan dan Rumah Mampu Milik

Tuan Speaker, Kerajaan Sarawak melalui Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah (LCDA) terus memberi tumpuan dan keutamaan kepada pelaksanaan projek-projek pembangunan bandar baharu; pusat perkhidmatan dan rumah mampu milik dengan peruntukan sebanyak RM216 juta dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12). Dalam RMK-13, sejumlah RM284 juta lagi telah diluluskan bagi meneruskan pelaksanaan projek-projek tersebut. LCDA turut melaksanakan

pembangunan rumah mampu milik di bawah Skim Pembesaran Kampung (SPK), Pusat Pertumbuhan Desa (RGC) dan Bandar Baharu Sebuyau. Dalam RMK-13, sejumlah 1,253 unit rumah mampu milik telah diluluskan untuk dilaksanakan dengan peruntukan sejumlah RM405 juta. Bagi menyokong agenda kerajaan dalam melaksanakan inisiatif tenaga boleh diperbaharui (*renewable energy*), 510 unit daripada rumah-rumah mampu milik tersebut akan dilengkapi dengan sistem tenaga solar dengan kos sejumlah RM15 juta. Pembinaan rumah-rumah mampu milik ini adalah dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

Pembaharuan Bandar

Kerajaan Sarawak melalui LCDA dan Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA) terus memberi tumpuan dan keutamaan kepada pelaksanaan projek-projek di bawah pembaharuan bandar. Objektif utama adalah untuk meningkatkan kesejahteraan dan sosioekonomi rakyat dengan menyediakan pembangunan terancang yang merangkumi rumah kediaman, infrastruktur asas, utiliti, kemudahan rekreasi, tempat ibadah dan premis perniagaan.

Oleh itu, Kerajaan Sarawak kini sedang giat melaksanakan enam Projek Pembaharuan Bandar secara berfasa, iaitu:

(a) Pembangunan Darul Hana, Kuching;
(b) Penempatan Sungai Bedaun, Kuching;
(c) Pembangunan Semula Kampung Datu, Sibu;
(d) Pembangunan Kemuyang, Sibu;
(e) Skim Pembesaran Kampung Jelutong *(In-Situ),* Bintulu; dan
(f) Tatau Kampung *Extension*, Tatau.

Di samping itu, beberapa projek baharu yang sama telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-13 seperti:

(a) Pembangunan Semula Semariang Pinggir, Kuching;
(b) Pembangunan Semula Kampung Baru, Kapit;
(c) Penempatan Semula Sungai Baji, Sarikei;
(d) Pembangunan Semula Jepak Fasa 1, Bintulu;
(e) Pembangunan Padang Kerbau, Miri; dan
(f) *Redevelopment of Trusan Bazaar, Lawas*.

Setakat ini, 564 buah rumah bagi projek di Darul Hana telah diagihkan sepenuhnya kepada ketua isi rumah dari Kampung Semarang, Panglima Seman Lama, Pulo Ulu dan kawasan sekitarnya.

Selain itu, keperluan Ketua Keluarga Tambahan turut diambil kira dengan menyediakan 209 buah rumah kediaman di Sungai Bedaun di mana sebanyak 183 buah rumah telah diagihkan kepada Ketua Keluarga Tambahan dari kampung-kampung tersebut. Manakala, baki 26 buah rumah akan diagihkan pada tahun ini.

Bagi memastikan inisiatif berterusan di bawah Projek Pembaharuan Bandar, sebanyak 94 unit rumah sedang dalam peringkat pembinaan bagi Projek Pembangunan Darul Hana Fasa III dan dijangka akan siap pada penghujung tahun depan. *Cantik juga rumah-rumah itu, kalau kita tengok ya, apa yang ada ditayangkan, kadang-kadang mereka tidak bermimpi mendapatkan rumah sedemikian bagus ni... (Applause)...*

Tuan Speaker, bagi Projek Pembangunan Semula Kampung Datu, Sibu, 93 buah rumah di Kampung Datu Baru telah diagihkan kepada ketua isi rumah dan baki sebanyak 11 buah rumah akan diagihkan dalam tahun ini. Di samping itu, bagi Projek Pembangunan Semula Kampung Datu, Sibu, kerja-kerja penyediaan tapak sedang dalam pelaksanaan bagi Kampung Datu Lama Blok A.

Manakala bagi Projek Pembangunan Kemuyang, Sibu pula, sebanyak 137 daripada 150 buah rumah telah diagihkan kepada Ketua Keluarga Tambahan dari Kampung Datu, sebahagian Kampung Baharu dan sebahagian Kampung Hilir, Sibu. Baki sebanyak 13 buah rumah akan diagihkan dalam tahun ini.

Di Bintulu, Kerajaan Sarawak melalui Lembaga Kemajuan Bintulu membina sejumlah 97 buah rumah di Skim Pembesaran Kampung Jelutong, Jepak dan 87 buah rumah di *Tatau Extension Scheme* siap sepenuhnya dan akan diagihkan dalam tahun ini. Manakala, bagi Pembangunan Padang Kerbau, Lopeng, Miri, kerja-kerja penyediaan tapak untuk menyediakan lot kediaman akan dimulakan dalam masa yang terdekat.

Dalam projek pembaharuan bandar juga, kerajaan melalui LCDA melaksanakan Penilaian Impak Sosial (SIA) yang memastikan pembangunan yang dilaksanakan bukan sahaja memacu pertumbuhan ekonomi dan fizikal, malah turut menjaga kesejahteraan komuniti secara inklusif dan mampan. Bagi memperkasa dasar, amalan dan menggalakkan pelaksanaan SIA ini, LCDA bersama MUDeNR akan menganjurkan *Social Impact Assesment Conference and Exhibition 2026 (SIAC2026)* pada 23 hingga 25 November 2026 di Kuching. *This is the first dedicated International Conference on SIA,* yang julung kali dianjurkan di Malaysia malah di rantau Asia Tenggara.

Sektor Perlombongan: Pembangunan Industri Unsur Nadir Bumi (Rare Earth Elements) Sarawak

Tuan Speaker, dalam usaha kerajaan membangunkan industri berimpak tinggi berasaskan Unsur Nadir Bumi (REE), khususnya dalam bidang semikonduktor dan aeroangkasa, Kerajaan Sarawak telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Pembangunan Industri Unsur Nadir Bumi Sarawak. Jawatankuasa khas ini berperanan untuk mengkoordinasi kajian dan penilaian potensi sumber REE di Sarawak. Kerangka kajian ini dijangka dimuktamadkan pada bulan Julai 2026.

Sarawak Peneraju Ekonomi Hijau Berteraskan Hutan Lestari

Tuan Speaker, hutan Sarawak bukan sekadar khazanah semula jadi, malah merupakan tunjang kepada kemakmuran ekononomi. Keterangkuman sosial dan kelestarian alam sekitar negeri. Dengan keluasan liputan hutan yang signifikan, Sarawak berada dalam kedudukan unik sebagai wilayah tropika yang masih memiliki ekosistem hutan yang kaya dan relatif terpelihara. Sarawak berpotensi membangunkan tenaga hijau melalui sisa biojisim hutan sebagai sumber tenaga mesra alam. Pendekatan, *waste to energ*y ini mengurangkan pembaziran dan risiko kebakaran, menyokong *neutrality carbon* selaras dengan PCDS 2030. Setakat 1 Mei 2026, sejumlah 10 permit kajian karbon hutan telah diluluskan, termasuk satu lesen karbon hutan yang meliputi kawasan seluas 257,658 hektar. Inisiatif perdagangan karbon Sarawak bukan sahaja berpotensi menjana ekonomi baharu, malah turut memperkukuhkan komitmen antarabangsa wilayah ini di bawah *Paris Agreement* melalui usaha pengurangan pelepasan karbon karbo serta pengurusan hutan secara mampan.

Kerajaan Sarawak terus komited melaksanakan program pemulihan hutan dan penanaman semula pokok menerusi *Sarawak Greening Campaign* dengan penglibatan sektor korporat, agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan komuniti setempat. Bagi tempoh 2021 hingga 2026, sebanyak 57.75 juta pokok telah ditanam di seluruh Sarawak. Sebagai usaha memperkukuh ekosistem dan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pemeliharaan alam sekitar. Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Sarawak dalam mengurangkan tekanan terhadap hutan asli, memperkukuh industri kayu, serta memastikan keseimbangan antara pembangunan dan kelestarian alam sekitar.

Hari Hutan Antarabangsa atau *International Day of Forests* disambut pada 21 Mac setiap tahun, sebagai inisiatif global untuk meningkatkan kesedaran awam tentang kepentingan hutan kepada kehidupan manusia dan keseimbangan alam sekitar. Pada tahun ini, tema sambutan hari hutan antarabangsa adalah hutan dan ekonomi. Tema ini menekankan peranan hutan dalam

pertumbuhan ekonomi mampan, peluang pekerjaan, membekal bahan mentah dan menyokong kelangsungan ekosistem. Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Sarawak akan diadakan pada 24 Mei 2026 di Miri. Sempena sambutan ini, akan diadakan ekspo hasil hutan bukan kayu dengan penglibatan usahawan-usahawan dari pedalaman Baram, Lawas, Limbang dan Bintulu. Di peringkat kebangsaan pula, Hari Hutan Antarabangsa akan disambut pada 22 hingga 24 Mei 2026 di Sook, Sabah.

Pemeliharan Biodiversiti dan Warisan Alam

Tuan Speaker, Kerajaan Sarawak kekal komited memperluaskan kawasan perlindungan, memperkukuhkan koridor hidupan liar dan memelihara spesies terancam sebagai sumbangan yang amat penting kepada pemeliharaan biodiversiti, global dan kesejahteraan generasi akan datang. Dalam usaha tersebut penyelidikan saintifik dijadikan asas penting bagi menyokong pemuliharan berasaskan data dan bukti. Jabatan Hutan telah melaksanakan banyak ekspedisi penyelidikan saintifik sejak tahun 2008 di seluruh Sarawak termasuk dua edisi terbaru di Hutan Simpan Sabal dan Hutan Simpan Simunjan. Hasil kajian telah dibentangkan dalam Seminar Ekspedisi Saintifik 2026 dan berjaya merekodkan penemuan dua spesies baru iaitu Sulettaria Kimiana, bukan main nama. *Ha, itu...tengok itu...cantik...unik*. Itu adalah hasil penemuan kita.

Orang kampung sebut Tepus Kimi. Namanya berbelit-belit lidah untuk sebut tapi orang kampung cakap ini ialah Tepus Kimi. Dijumpai di Hutan Simpan Sabal dan *Hemiplecta gambut* yang ditemui di Hutan Simpan Simunjan. Ini pun, perkataan berbelit-belit lidah kita sebut, rupa-rupanya ia siput gambut.

Penemuan ini membuktikan kekayaan biodiversiti hutan Sarawak serta kepentingan penyelidikan berterusan dalam memastikan kelestarian sumber semula jadi untuk generasi masa kini dan akan datang.

Pengiktirafan UNESCO Sarawak Delta Geopark

Tuan Speaker, Sarawak Delta Geopark telah mendapat pengiktirafan sebagai UNESCO Global Geopark pada 23 April 2026. Bagilah tepukan*...(Applause)...*Ini kejayaan besar bagi kita. Semalam, Yang Berhormat Asajaya dalam ucapan penggulungan juga menyentuh perkara ini dan ini menjadi satu kebanggaan. Pengiktirafan ini menjadikan Sarawak Delta sebagai UNESCO Global Geopark yang pertama di Sarawak dan keempat di Malaysia menerima status tersebut.

Pengiktirafan ini merupakan pencapaian penting bagi Sarawak hasil kerjasama erat antara agensi kerajaan, pakar teknikal, komuniti tempatan dan pelbagai pihak berkepentingan dalam memenuhi kriteria penilaian UNESCO. Pengiktirafan yang amat membanggakan ini telah dan akan terus meningkatkan reputasi Sarawak dalam rangkaian geopark di peringkat antarabangsa. Beberapa kawasan lain lagi di Sarawak mempunyai potensi yang tinggi untuk dicalonkan sebagai tapak UNESCO Global Geopark pada masa akan datang.

Pendigitalan dan Teknologi Perhutanan

Tuan Speaker, Jabatan Hutan Sarawak terus mempergiat usaha pendigitalan operasi sektor perhutanan bagi meningkatkan kecekapan, ketelusan dan keberkesanan pengurusan hutan secara menyeluruh. Sebagai langkah terkini, pelaksanaan sistem *Electronic Removal Pass* (ePASS) di wilayah tengah Sarawak telah berjaya memantapkan kebolehjejakan secara digital dan telus dalam rantaian bekalan kayu balak sehingga lokasi penebangan sekali gus memenuhi keperluan pematuhan kepada *Internationally Recognised Timber Legality Assurance System (TLAS).*

Inovasi pelaksanaan *Drone Seeding Ecosystem Restoration System* telah berjaya meningkatkan kadar percambahan benih serta mengurangkan kos operasi sehingga 60%. Projek ini adalah kerjasama dengan Universiti Putra Malaysia Sarawak. Inovasi ini menghasilkan lima harta intelek yang telah berdaftar dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).

Jabatan Hutan Sarawak juga sedang melaksanakan beberapa projek berdasarkan teknologi *Light Detection and Ranging* (LiDAR) meliputi penilaian produktiviti dirian hutan asli dan ladang hutan, serta pengukuran biojisim dan stok karbon hutan bagi memperkukuh pengurusan hutan yang berasaskan sains dan data spatial. Salah satu daripada projek ini telah dilaksanakan di Hutan Simpan Sabal bertujuan mendapatkan maklumat biojisim untuk penilaian stok karbon.

Pewartaan Hutan Simpan Kekal

Tuan Speaker, pewartaan hutan simpan kekal sejak Mei 2026, Kerajaan Sarawak telah mewartakan tiga kawasan Hutan Simpan Kekal (PFE) yang baharu, iaitu *Data Julan Protected Forest, Suro-Tutoh Protected Forest* dan *Ulu Trusan Protected Forest* yang masing-masingnya berkeluasan 25,501 hektar, 17,117 hektar dan 111,717 hektar. Ini menjadikan luas keseluruhan PFE adalah 4,149,010 hektar yang meliputi 123 kawasan PFE.

Perhutanan Sosial, Persekitaran dan Pembangunan Komuniti

Kerajaan Sarawak terus memastikan pembangunan sektor perhutanan, memberi manfaat kepada rakyat, khususnya komuniti luar bandar melalui pendekatan pembangunan sosial dan ekonomi. Pada tahun 2026, Jabatan Hutan Sarawak telah melaksanakan Program Pembangunan Modal Insan untuk komuniti di sekitar hutan simpan kekal, melibatkan latihan seperti pemasaran dalam talian produk hasil hutan bukan kayu, kraf buluh, pertukangan kayu, pembuatan perabot, inokulasi gaharu dan asas pendawaian elektrik di Baram, Tatau dan Kuching. Jabatan Hutan Sarawak dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA) juga telah mengadakan Kursus Asas Penanaman dan Penyelenggaraan Buluh untuk komuniti di Long Tujang, Long Bemang dan Lapok, Miri pada April 2026.

Kerjasama antara SFC dan komuniti setempat dalam usaha pemuliharaan penyu terus diperkasa melalui inisiatif di bawah program Sukarelawan *Turtle Ranger,* melibatkan seramai 39 sukarelawan yang telah dilancarkan pada 30 April 2026 di Kampung Pugu, Lundu. Ya, kita masih banyak penyu ini. Kita tengok gambar oh, sudah habis, sudah habis ditayangkan, cantik. Sementara itu, Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar (NREB) telah melaksanakan beberapa program kesedaran alam sekitar di peringkat komuniti, termasuk satu program berkaitan larangan pembakaran terbuka yang telah diadakan bersama komuniti di Debak, Betong dan dua Program Kesedaran Alam Sekitar di Jepak, Bintulu serta Dalat dan daerah kecil Oya, Mukah. NREB dan Jabatan Hutan Sarawak dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah mengadakan Program Mini Karnival Peduli Api di Lawas pada 25 April 2026. Mini karnival ini telah dihadiri seramai 700 peserta dalam kalangan komuniti dan agensi kerajaan. Inisiatif ini meningkatkan kesejahteraan ekonomi luar bandar serta memperkukuh peranan masyarakat dalam pemeliharaan alam sekitar dan pengurusan hutan secara mampan.

Penguatkuasaan Hutan, Kawasan Terlindung Sepenuhnya (TPA) dan Hidupan Liar

Tuan Speaker, Kerajaan Sarawak tidak akan berkompromi terhadap sebarang pelanggaran undang-undang berkaitan perhutanan. Usaha penguatkuasaan akan terus dipertingkatkan bagi memastikan sumber hutan diurus dengan penuh integriti dan akauntabiliti. Jabatan Hutan Sarawak telah merekodkan sejumlah 51 kes kesalahan hutan sejak November 2025 sehingga April 2026. Dalam tempoh yang sama, tiga kes didaftar untuk pendakwaan di mahkamah. Satu kes telah selesai diputuskan oleh mahkamah dengan enam tertuduh telah disabitkan kesalahan, manakala dua kes masih dalam proses pendakwaan dan perbicaraan. Sebanyak RM302,527 kompaun dan RM211,598 hasil pelupusan melalui jualan kayu rampasan telah dikutip dalam tempoh tersebut. Manakala 48 kes lagi masih dalam pelbagai peringkat siasatan.

Bagi memperkukuhkan kapasiti dan kemahiran anggota penguatkuasaan hutan, Jabatan Hutan Sarawak telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan *Enforcement Leadership and Management University* (ELMU) pada 11 Disember 2025 untuk membolehkan

pegawai-pegawai Jabatan Hutan Sarawak mengikuti program latihan dan pembangunan profesional.

Aktiviti penguatkuasaan bagi melindungi TPA dan hidupan liar adalah penting dalam memastikan kelestarian alam semula jadi di wilayah Sarawak. Oleh itu, SFC akan sentiasa menjalankan aktiviti rondaan dan penguatkuasaan secara berterusan bagi membanteras aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang.

Bagi tempoh November 2025 hingga April 2026, SFC telah membuka sejumlah 29 kertas siasatan, yang merangkumi 28 kes kesalahan di bawah *Wildlife Protection Ordinance*, 1998 dan satu kes di bawah *National Parks and Nature Reserves Ordinance*, 1998. Dalam tempoh yang sama, sebanyak empat kes telah dibawa ke mahkamah untuk pendakwaan, tiga kes telah dikompaun dan selebihnya masih berada dalam siasatan.

Dalam tempoh masa yang sama juga, seramai lapan orang pesalah telah didakwa dan dikenakan hukuman denda berjumlah RM78,500 dan kesemua denda tersebut telah dijelaskan sepenuhnya. Selain itu, sejumlah RM65,836 kompaun telah dikeluarkan kepada pesalah, termasuk bagi kes-kes yang kertas siasatannya dibuka pada tahun sebelumnya.

Untuk meningkatkan keupayaan dan kemahiran renjer hidupan liar, seramai 24 orang pegawai SFC telah mengikuti latihan *Dynamic Environment Evidence Recovery – Wildlife Crime Scene Exploitation* yang dianjurkan bersama TRACE *Wildlife Forensic Network* (Scotland) pada 9 hingga 20 Februari 2026 bertempat di Rizab Semulajadi Piasau, Miri. Komuniti setempat memainkan peranan yang signifikan dalam pembangunan TPA.

Melalui inisiatif Renjer Penjaga Hidupan Liar *(Wildlife Guardian Ranger)* seramai 325 komuniti setempat, terdiri daripada 148 veteran askar dan 177 penduduk setempat telah dilantik dan ditempatkan di TPA. Pembangunan dan penyelenggaraan kemudahan infrastruktur awam di semua TPA terus diberi perhatian oleh Kerajaan Sarawak. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-13, SFC sedang melaksanakan tujuh projek bagi menambah baik kemudahan sedia ada. Selain itu, pendekatan kerjasama awam swasta *(public private partnership)* turut dilaksanakan melalui pelantikan *managing agent* di Taman Negara Mulu, Taman Negara Niah dan Taman Negara Tanjung Datu bagi memperkukuh pengurusan dan kemudahan hospitaliti pelawat.

Prestasi Industri Perkayuan

Tuan Speaker, Prestasi Industri Perkayuan. Nilai eksport industri perkayuan Sarawak pada suku pertama tahun 2026 telah mencatatkan penurunan sebanyak kira-kira 10% iaitu kepada RM564 juta berbanding RM624 juta pada suku pertama tahun 2025. Penurunan ini berkait rapat dengan penyusutan permintaan pasaran global yang telah memberi kesan kepada prestasi eksport industri perkayuan. Jepun kekal pengimport utama sebanyak RM298 juta diikuti oleh India RM106 juta, Negara Timur Tengah RM70 juta, dan Filipina RM23 juta. Ini melibatkan produk papan lapis, balak, papan gentian, kayu gergaji, kayu racik *(woodchip)*, kayu pellet dan lain-lain. Nilai eksport kayu pelet, sebagai produk bernilai tambah menunjukkan peningkatan sebanyak 3.3% berjumlah RM21.4 juta bagi suku pertama 2026 berbanding RM20.7 juta pada 2025.

Oleh yang demikian, pemain-pemain industri adalah digalakkan untuk lebih proaktif untuk menumpukan keupayaan di dalam penghasilan produk kayu bernilai tambah seperti kayu kejuruteraan *(engineered wood)*, perabot, *biochar*, biojisim dan lain-lain. Usaha ini adalah penting untuk meningkatkan daya saing industri serta memperkukuh nilai eksport perkayuan Sarawak di pasaran antarabangsa. Kerajaan Sarawak telah meluluskan tapak seluas 50 hektar untuk pembangunan Taman Perindustrian Perabot di Demak Laut, Kuching dengan skim projek bernilai RM233 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-13. Projek ini sedang dalam peringkat penyediaan pelan pembangunan.

Industri Buluh

Mempunyai potensi besar untuk diterokai oleh Sarawak dan semua pihak termasuk komuniti setempat. Berdasarkan kepada *Bamboo Global Market Report 2025,* nilai pasaran produk buluh adalah dijangka mencecah USD 118 bilion menjelang tahun 2034. Bayangkan 118 bilion USD menjelang tahun 2034. Dalam mempromosikan industri ini di Sarawak, seluas 5,109 hektar kawasan telah ditanam dengan buluh oleh komuniti dan entiti komersil. Bagi menyokong program penanaman tersebut, PUSAKA telah membangunkan tiga tapak semaian di Sabal, Tanjung Manis dan Kuala Baram yang berupaya mengeluarkan sebanyak 450,000 anak benih buluh setahun.

Bagi memperkasakan lagi industri ini, beberapa syarikat tempatan dan antarabangsa telah pun menunjukkan minat untuk melabur dalam industri hiliran bagi menghasilkan produk bernilai tambah berasaskan buluh seperti karbon teraktif *(activated carbon)*, pelet, kertas tisu, bahan pembungkusan, tekstil, biochar, produk makanan, kosmetik dan lain-lain. Bagi rekod kesalahan kilang tidak berlesen, PUSAKA telah merekodkan hanya satu kes setakat Mei 2026 berbanding lima kes bagi tempoh yang sama dalam tahun 2025. Secara keseluruhannya, usaha bersepadu melalui pemerkasaan ordinan dan peraturan baharu dan kerjasama agensi penguatkuasaan yang lain telah berjaya meningkatkan tahap pematuhan industri kayu di Sarawak. Bagi memperkasakan kemahiran pekerja dalam industri perkayuan, PUSAKA akan terus menganjurkan program latihan mengikut keperluan semasa. Setakat April 2026, PUSAKA telah menganjurkan empat kursus berkenaan pembuatan produk kayu, industri buluh dan pemeringkatan yang telah dihadiri oleh seramai 62 orang peserta.

Selain itu, PUSAKA juga telah menganjurkan sesi *Industry Updates and Dialogue* berkenaan dengan prosedur pengambilan pekerja bukan pemastautin Sarawak dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan. Program ini dianjurkan dengan kerjasama *Immigration and Labour Management Unit*, Jabatan Premier Sarawak pada 16 dan 23 April 2026 di Bintulu dan Kuching yang telah dihadiri seramai 404 peserta. Tuan Speaker, Kerajaan Sarawak komited memastikan pembangunan dilaksanakan secara mampan melalui penguatkuasaan Penilaian Impak Alam Sekitar *(EIA)* bagi aktiviti yang ditetapkan di bawah peruntukan undang-undang sedia ada.

Bagi meningkatkan keberkesanan proses penilaian EIA, Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar (NREB) telah menambah baik proses dengan menggunakan *two-tier evaluation process* iaitu *First-Level Evaluation: Internal EIA Technical Evaluation Committee* dan *Second-Level Evaluation: Review Panel Meeting* bermula 2 Januari 2026. Dari Januari hingga April 2026, sebanyak 12 laporan EIA dinilai, lapan telah diluluskan, manakala empat telah ditolak. Dalam pada itu, sebanyak 11 laporan EIA baru telah diterima dan masih dalam pelbagai peringkat penilaian. Dalam tempoh yang sama, NREB telah melaksanakan sebanyak 372 pemantauan *post-EIA* serta menerima 1,287 *Environmental Monitoring Report (EMR)*. Terdapat 40 kes ketidakpatuhan dikesan dan dikeluarkan notis manakala 58 kertas siasatan telah dibuka termasuk bagi kes-kes pada tahun sebelumnya. Selain daripada itu, lapan kompaun telah dikeluarkan dengan nilai kutipan berjumlah RM60 ribu setakat 30 April 2026. Dalam tempoh yang sama pada tahun 2025, sebanyak 376 pemantauan *post-EIA*, 1,*226 Environmental Monitoring Report* telah dinilai serta 40 notis telah dikeluarkan.

Kawal Selia Kendiri Alam Sekitar Melalui Environmental Compliance Audit (ECA)

Tuan Speaker, tadbir urus alam sekitar di Sarawak terus diperkukuh melalui pelaksanaan *(ECA) Environmental Compliance Audit* selaras dengan *Natural Resources and Environment (Audit) Rules,* 2008 bermula dengan sektor perhutanan pada Julai 2025. Inisiatif ini memperkukuh pematuhan alam sekitar berasaskan tanggungjawab industri, melalui pendekatan kawal selia kendiri oleh pihak industri, dengan penglibatan juruaudit yang memenuhi keperluan kompetensi serta berdaftar di bawah NREB. Sehingga April 2026, seramai 308 juruaudit telah berdaftar, mencerminkan peningkatan kapasiti pelaksanaan ECA di seluruh Sarawak.

Pelaksanaan ECA akan diperluas secara mandatori ke sektor pertanian, kuari dan perlombongan bermula pada tahun 2027. Sebagai persediaan, Memorandum Persefahaman telah

dimeterai pada 25 Februari 2026 bersama 12 syarikat sektor pertanian dan dua syarikat sektor kuari dan perlombongan sebagai projek perintis.

Status Kualiti Air Sungai di Sarawak

Tuan Speaker, NREB terus melaksanakan *River Water Quality Monitoring Programme* yang melibatkan 66 sungai di seluruh Sarawak bagi memantau status kualiti air sungai ambien secara berterusan serta mengesan perubahan trend dan dari semasa ke semasa sebagai asas kepada perancangan dan pelaksanaan tindakan pengurusan yang lebih berkesan. Berdasarkan hasil pemantauan bagi tahun 2025, berasaskan Indeks Kualiti Air sebanyak 18 sungai telah dikategorikan sebagai bersih, manakala 43 sungai berada dalam kategori sederhana tercemar dan lima sungai dikategorikan sebagai tercemar.

Status of Transfer of Autonomy on Environment Under the Malaysia Agreement 1963 (MA63)

Tuan Speaker, status terkini pemindahan autonomi alam sekitar di bawah MA63 menunjukkan perkembangan positif. Demi membolehkan pelaksanaan peruntukan undang-undang berkaitan pengurusan buangan terjadual diambil alih oleh Kerajaan Sarawak, Akta Kualiti Alam Sekitar (Pindaan) 2026 telah diluluskan oleh Parlimen dan Dewan Negara pada Februari 2026. Pindaan ini bertujuan membolehkan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam Malaysia untuk menggantung penguatkuasaan keseluruhan atau sebahagian peruntukan Akta 127 di Sarawak.

Sehubungan itu, Kerajaan Sarawak melalui NREB telah melaksanakan persediaan bagi memastikan pelaksanaan autonomi ini dapat dilaksanakan dengan lancar sebaik sahaja penurunan, penurunan kuasa di bawah Perkara 95C Perlembagaan Persekutuan diperolehi.

Kerajaan Sarawak melalui NREB terus memperkukuh kesedaran, pengetahuan dan amalan lestari dalam kalangan pelajar melalui inisiatif Kelab Pencinta Alam Sekitar (PALS). Sehingga kini sebanyak 754 kelab PALS telah ditubuhkan di sekolah seluruh Sarawak dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak. Bagi memperkukuh pelaksanaan program PALS, NREB telah memperkenalkan platform digital e-PALS pada tahun 2025 sebagai pusat sehenti yang mengintegrasikan pendaftaran permohonan geran, pelaporan dan penyampaian maklumat. NREB terus melaksanakan program pendidikan alam sekitar melibatkan komuniti, pelajar, guru dan industri melalui libat urus, latihan dan aktiviti lapangan. Dari Januari hingga April 2026, sebanyak 20 program yang melibatkan lebih 2,800 peserta telah dilaksanakan.

Tuan Speaker, kementerian bersama-sama dengan jabatan dan agensi di bawahnya akan sentiasa terus komited, komited untuk memberi perkhidmatan yang berkualiti secara berterusan. Ini terbukti melalui pelbagai anugerah yang telah diterima di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa. *Malaysian Technology Expo 2026* yang diadakan pada bulan April 2026. Jabatan Tanah dan Survei telah menerima dua anugerah emas, dua anugerah perak serta tiga anugerah khas di bawah kategori *International Innovation Award* dan *Public Service Innovation Asia*... *(Applause)*...*Bukan senang tau, nak dapat johan ni*. Bagilah tepukan yang kuat sikit*...(Applause)...*

Jabatan Hutan Sarawak telah menerima pengiktirafan, dua emas dan satu anugerah *Special Award National Research Council of Thailand*... *(Applause)*...NREB telah menerima pengiktirafan satu anugerah *Special Award Petrosains*, satu anugerah perak dan satu anugerah gangsa di bawah kategori *Public Service Innovation Asia... (Applause)...*Dalam masa yang sama, dalam kategori yang lain di peringkat negeri, NREB telah dianugerahkan pensijilan *Sarawak Civil Service Environmental Standard* pada 9 Mei 2026.

LCDA telah menerima pengiktirafan di *Asia Winner Awards Night Ceremony* pada 17 April 2026 di Jakarta, Indonesia melalui dua anak syarikat, LCDA Holdings Sdn Bhd, dianugerahkan *Asian Best Choice Enterprise and Reputable Corporate Services Provider Award 2026* dan LCDA Agri Business Sdn Bhd menerima *Asia Best Choice Agriculture Activities Plantation Development*

*Award 2026...(Applause)...*LCDA CTR Technology Sdn Bhd menerima pengiktirafan daripada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia, *Construction Industry Development Board* atas kejayaan menyiapkan lima unit rumah banglo di SPK Gedong, Samarahan dengan tempoh pembinaan selama 27 hari dan mencapai skor IBS sebanyak 92.96% yang merupakan skor IBS tertinggi dicatat di Sarawak setakat ini...*(Applause)*...*Boleh tahan orang kita ya*. Dan kualiti rumah pun cantik seperti yang ditayangkan di slaid sebelum ini. *So*, kita teruskan usaha. Semoga rakyat kita akan menikmati kualiti hidup yang lebih baik.

Tuan Speaker, seterusnya izinkan saya menyentuh perkara-perkara spesifik yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan di Dewan yang mulia ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Tupong, sebelum sesuatu kelulusan pembangunan perumahan diberi pertimbangan, setiap permohonan akan dinilai secara terperinci oleh jabatan-jabatan terlibat termasuk aspek jaringan jalan raya, densiti pembangunan, kapasiti infrastruktur serta pematuhan kepada piawaian perancangan, keperluan teknikal dan pelan pembangunan sedia ada. Ini adalah bagi memastikan pembangunan dilaksanakan secara teratur, selamat dan mampan.

Kerajaan juga senantiasa meneliti keperluan menaik taraf rangkaian jalan raya serta cadangan jalan alternatif dari semasa ke semasa bagi membantu mengurangkan kesesakan trafik dan meningkatkan kelancaran pergerakan pengguna jalan raya di kawasan yang pesat membangun.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Pending, berhubung dengan kedudukan pemain-pemain industri di estet perindustrian Pending, apa yang berlaku ialah kaji selidik atas talian, *online survey* daripada MINTRED bersama dengan MUDeNR. *Online survey* ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas dan mengemaskini profil syarikat serta operasi mereka. Dapatan kajian ini akan membolehkan rancangan strategik untuk mewujudkan zon guna tanah yang lebih lestari, kondusif dan berkualiti.

Seperti yang kita maklum, pelbagai aktiviti industri di kawasan ini yang terdiri daripada industri berat, *heavy industry,* sederhana dan ringan berasaskan kayu, ada *sawmill-sawmill* juga, perkapalan dan industri-industri yang membawa kepada pencemaran alam sekitar. Semua ini perlu disusun semula, dan inilah yang merupakan perancangan kita untuk jangka panjang, *long-term plan*. Apatah lagi, Bandaraya Kuching berkembang pesat dan memerlukan perancangan guna tanah masa depan yang lebih komprehensif bagi pembangunan masa depan Bandaraya Kuching yang terus berkembang.

Oleh yang demikan, adalah penting untuk kita mewujudkan perancangan masa depan. And if we have to rezone the area then we have to do it. And this is the reality on the ground. Kuching City is expanding. Perancangan ini bukan bertujuan untuk menyingkirkan pengusaha industri sedia ada secara drastik tetapi dilaksanakan melalui pendekatan, *win-win* yang mengambil kira keperluan semua pihak. Malahan, jika penyusunan semula *"Zon Guna Tanah"* di kawasan ini dapat kita laksanakan, ianya akan meningkatkan lagi nilai hartanah di kawasan tersebut.

Saya tahu ini bukanlah sesuatu yang mudah. We are going to face so many challenges. Dan, kita juga tahu sumbangan SME yang sudah lama bertapak di kawasan ini, begitu tinggi sekali. SME is the backbone of our economy. Penyediaan pekerjaan, sumbangan kepada KDNK, begitu tinggi sekali.

Transformasi seperti ini adalah perkara biasa yang dilakukan di negara-negara, termasuk kita di Malaysia. Di negara-negara maju seperti kawasan Tokyo Bay di Jepun, sebahagian daripada kawasan itu dipenuhi oleh industri-industri yang lama, *tak* tersusun, seolah-olah menjadi *slum area*. Tengok sekarang, macam mana keadaan di Tokyo Bay? Di Oslo pun begitu, di Oslo, Norway. Saya sempat pergi ke Oslo. Saya diberi taklimat. Dulunya, kawasan ini adalah kawasan industri. Bandaraya berkembang. *So, they have to relocate all the industries,* termasuk lapangan terbang. Setelah bandaraya berkembang, lapangan terbang yang dulunya jauh daripada bandar, dan mereka buat lapangan terbang yang baharu, *terminal building* dijadikan sebagai pusat inovasi, berkembang

begitu cepat. Dan, begitu juga keadaannya di Vancouver serta banyak lagi bandaraya-bandaraya yang lain yang boleh kita jadikan contoh yang telah pun melakukan transformasi seperti ini.

Bagi saya, menolak penyusunan semula guna tanah dan transformasi perancangan bandar bermaksud memilih untuk kekal tinggal di kawasan yang tidak terurus, usang dan tidak sesuai dengan aspirasi bandar moden dan pintar yang kita impikan. Kita mengiktiraf sumbangan mereka dan kita mahu mereka terus membangun. Kita membantu, cuba membantu supaya mereka dapat berkembang, operasinya meningkat. Malah kita tahu bagi sebahagian daripada mereka, jika tidak keseluruhan, *this is their bread and butter.*

Sejak tahun 2020, sebanyak 14 permohonan tanah industri di taman perindustrian lain seperti *Demak Laut Industrial Park* telah diterima daripada syarikat-syarikat yang beroperasi di kawasan Pending. Daripada jumlah tersebut 12 permohonan telah diluluskan oleh Majlis Perancangan Negeri manakala dua permohonan lagi masih dalam proses pertimbangan. Kementerian saya akan terus berkomunikasi, memantau dan tentunya mengadakan libaturus dengan pemain-pemain industry di kawasan ini dari semasa ke semasa. Perlu saya tekankan sekali lagi, *this is long-term planning, long term planning.*

Bila kita hendak buat, adalah bergantung kepada kesediaan pemain-pemain industri itu. Sama penting juga, bergantung kepada keupayaan kita untuk menyediakan tempat-tempat untuk mereka hendak berpindah. Kalau tempat-tempat berpindah tak tersedia bagaimana kita hendak menggalakkan mereka ini untuk berpindah?

Jadi Ahli Yang Berhormat bagi Pending*, in your statement here, Ministry of Urban Development and Natural Resources (MUDeNR) together with the relevant agency have lately been working around the clock*, saya check dengan pegawai-pegawai saya tau, saya tanya dia orang, betul kah kita orang ini kerja *every day, every night, you knock at the door*, ahh*… you have to move out, you have to move out*… dia cakap tak ada, tak ada. *So, this is just online survey, online survey*. Jadi sebagai orang tua, *I think I am quite senior than you* …(*Applause)*…saya nasihatkan lah, nasihat kan, bagi *fact* yang betul …(*Applause*)… jangan kita cuba nak *exaggerate*. Kadang-kadang *over exaggeration* tak bagus juga ya, tak bagus juga. Jadi, terima kasih lah. We will continue to engage with these people. After all this is for the good of everybody. Bila ia dapat dilaksanakan ia bergantung kepada kesediaan mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Semuja …(*Interruption)*…

YB Encik Chong Chieng Jen: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Premier atas keprihatinan terhadap SME yang terletak di *Pending Industrial Zone*. Just aaa, there are a few concerns of the industrial players in that area.

(a) *Aaa*, should the government*, urm,* go ahead with these re-location exercises that will cost hundreds of billions, millions even to the extent of billions. Our appeal is that the government to give assistance to these, *urm*, these industrial players on the re-location; and

(b) The concern is that many of the leaseholds of many parcels of land or factories would be expiring around, in about 20 years' time, in about 20 years' time. And during, as such, when we all know, when the lease terms expires, the land, the landowners will not have any rights over the land and literally they were just have to be surrendered back to the State Government.

So, our appeal is that since, *aaa*, Yang Berhormat Timbalan Premier has said that, this is going to be a long term plan, can Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, *aaa,* give a directive to Land and Survey that any application for the renewal of lease term in respect of the land title in the area be treated the same as the other areas whereby approval for renewal will be given expeditiously and that will settle, the minds and concerns on the industrial players in the area. That is all we appeal for. Thank you.

Timbalan Premier Sarawak; Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar Kedua; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N. 82 Bukit Sari (YB Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan): Terima kasih. Itulah sebabnya kita *conducted* this survey. Supaya dia orang bagi tau *all this details.* Ya, *I have this, the format, the questionnaire.* Ya, *la* kita mau itu semua, *so, please* la, *ask them to co-operate with us, this is for the good of everybody, alright…(Applause)… if we have to take action, this must be on win-win solution*. Kita tau juga, dia orang ini sudah menyumbang banyak tau untuk pembangunan ekonomi…(*Applause*)…Ya, sebab itu kalau kita ada perancangan, *if they want the government to acquire their land, yes.* But if they want to develop their land for other purposes, as long as it is in the right zoning, they can do.

This will enhance the value of the land. At the same time, they have new land for them to set up their factories. Itu dari segi perancangan kita, dan ini lah sebenarnya dasar Kerajaan GPS...(*Applause*)...Kita berusaha untuk membangunkan negeri ini, meningkatkan ekonomi negeri ini dan dalam masa yang sama kita menekankan kepada kebajikan masyarakat kita*...(Applause)...* Cukuplah, ya...(*Laughter*)...

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Semuja, permohonan pembangunan semula bagi blok kedai terbakar di Serian telah pun diluluskan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Ngemah, bagi kawasan Nanga Mungun, satu pelan iaitu *Local Plan for Nanga Mungun Resettlement Scheme Extension* telah diluluskan oleh Majlis Perancangan Negeri. Komponen-komponen yang dicadangkan termasuklah 27 blok rumah panjang yang menyediakan 280 pintu kawasan industri desa, kawasan komersial, kawasan tamu, rizab kerajaan, tapak gereja dan tapak dewan masyarakat.

Manakala bagi Nanga Jagau, Nanga Tada, termasuk Nanga Skua pula, Jabatan Tanah dan Survei akan menyediakan *Local Plan*. Dengan mengambil kira penempatan rumah panjang sedia ada dan juga keperluan pembangunan infrastruktur dan kemudahan asas termasuklah kawasan bagi skim penempatan pembesaran kampung. *Local plan* yang diluluskan ini kelak akan digunakan sebagai panduan bagi merancang pembangunan kerajaan yang dikemukakan oleh agensi kerajaan termasuk Mid Rajang Regional Development Agency.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Assek, pelan induk projek pembangunan semula Bukit Assek telah dirangka berdasarkan beberapa sesi libat urus bersama pemegang-pemegang taruh dan pihak berkepentingan seperti ketua masyarakat, ketua kaum, agensi dan jabatan berkaitan, juruperunding swasta serta beberapa Ahli Yang Berhormat di kawasan Sibu termasuk Ahli Yang Berhormat Bukit Assek. Terima kasih *for your participation, you involve right from the beginning*.

Di samping itu, pelan induk ini juga dirangka berdasarkan input-input teknikal yang diperolehi daripada kajian komprehensif yang dilaksanakan oleh juruperunding swasta yang dilantik. Pelaksanaan projek pembangunan semula Bukit Assek ini dirancang secara berperingkat di mana dalam Rancangan Malaysia Ke-13, ianya melibatkan pembinaan *wetland* satu dan komponen-komponen lain seperti pengambilan baik tanah, pembinaan infrastruktur asas dan sebagainya. Walau bagaimanapun, pelaksanaan fizikal adalah tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan. LCDA akan terus mengadakan sesi libat urus dengan pihak-pihak yang terlibat untuk memastikan projek tersebut dapat dilaksanakan dengan teratur dan lancar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Murum, perkara berhubung cadangan penyusunan penempatan DBRS Sungai Asap, melalui SPS Komuniti Islam Sungai Koyan, SPS Sungai Koyan Satu, dan SPS Sungai Koyan Dua, Belaga, Kapit dicadang untuk dipertimbangkan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-13.

Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Tamin, Tellian, Balingian, Murum, Opar dan Serembu telah menyarankan agar pengukuran tanah NCR sama ada ukuran perimeter dan individu bagi tujuan pengeluaran surat ambil tanah dipercepatkan. Sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi, di samping pengukuran perimeter di bawah Seksyen 6 Kanun Tanah Sarawak, Jabatan Tanah dan

Survei juga akan memberi fokus kepada pengukuran lot individu untuk pengeluaran surat hak milik tanah Seksyen 18 Kanun Tanah Sarawak.

Bagi memastikan kelancaran kerja pengukuran ini, para penuntut tanah yang telah di wartakan tanah mereka di bawah Seksyen 6 hendaklah memohon secara rasmi dan bersedia untuk memastikan pengukuran lot individu berjalan lancar. Jabatan Tanah dan Survei memerlukan kerjasama, komitmen serta penglibatan langsung daripada semua Ahli Yang Berhormat dan para penuntut tanah dalam menjayakan pengukuran lot-lot individu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Tamin dan Pelagus, kerajaan sentiasa memastikan peruntukan yang mencukupi bagi program pengukuran tanah NCR Inisiatif Baharu bagi tahun 2026 walaupun Kerajaan Persekutuan hanya memperuntukkan sebanyak RM2 juta untuk memastikan kelangsungan program pengukuran tanah NCR. Kerajaan Sarawak telah meluluskan sejumlah RM40 juta yang boleh dipohon secara berperingkat mengikut keperluan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Stakan, Jabatan Tanah dan Survei akan mengemukakan semula cadangan SPK Stakan Melayu dan SPK Pangkalan Kuap dalam *Rolling Plan 3,* Rancangan Malaysia Ke-13 untuk pertimbangan. Manakala berhubung dengan tanah Taman Samarindah pula, pembangunan di kawasan tersebut adalah berdasarkan perancangan keseluruhan guna tanah masa hadapan dan rangkaian jalan bagi kawasan tersebut. Selain itu, melalui kelulusan pembangunan tanah di sekitar Taman Samarindah, Taman Samarax, Taman Merbau dan Taman Meranti, lima jalan alternatif telah diwujudkan bagi menampung keperluan keluar masuk trafik dan dari kawasan tersebut ke *Kuching Outer Ring Road* dan Jalan Dato Mohamad Musa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Stakan juga, naikt araf Jalan Datuk Mohamad Musa dan pembinaan Jalan Samarahan-Bukit Berangan telah siap sepenuhnya. Manakala, pembinaan Jambatan Sejingkat kini masih dalam proses pembinaan juga akan menjadi laluan alternatif yang akan menghubungkan kawasan Samarahan ke Demak Laut. Di samping itu, pembinaan laluan ART dari Rembus ke Hikmah Exchange sedang dalam pembinaan merupakan rancangan jangka panjang kerajaan dalam menangani masalah kesesakan lalu lintas di kawasan Samarahan secara keseluruhannya. Inisiatif kerajaan ini akan dapat menambahkan pilihan jenis pengangkutan serta mengurangkan kebergantungan kepada penggunaan kenderaan persendirian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Tellian, mana Tellian? Kerajaan pada dasarnya telah meluluskan permohonan Encik Basir bin Megok dan 42 rakan-rakan bagi tanah di hulu Sungai Simai, Sungai Tellian, Mukah untuk tujuan pertanian. abatan Tanah dan Survei akan melakukan siasatan di lapangan bagi menentukan pembangunan yang telah dibuat sebelum pertimbangan pengeluaran surat hak milik tanah dimuktamadkan. Manakala berhubung dengan status kes mahkamah *Superintendent of Land and Survey Mukah Division and three others* and Guma anak, anak apa ini tadi. Guma Anak Brujan *and others* yang telah difailkan ke Mahkamah Rayuan pada 10 November 2025 yang kini menunggu keputusan mahkamah.

Bagi kerja pembinaan infrastruktur bagi SPK Tellian Tengah Fasa 1 pula, ia telah bermula pada 19 September 2024 dan dijadualkan siap pada 28 September 2026. Skop kerja ialah bagi menyediakan infrastruktur berspesifikasi baharu melibatkan 168 lot kediaman. Manakala, bagi cadangan-cadangan SPK lain iaitu SPK Petanak Fasa 2 peringkat satu, SPK bersepadu Kampung Penakup Hilir, Kampung Datu dan SPK Tellian Tengah Fasa 2. Peringkat satu akan dikemukakan dalam Rancangan Plan Tiga, Rancangan Malaysia Ke-13 untuk pertimbangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Tellian juga, Pelan Pembangunan Pusat Bandar Mukah 2035 di dalam peringkat akhir penyediaan dan akan dikemukakan untuk kelulusan Majlis Perancangan Negeri dalam masa terdekat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong Batu, berdasarkan *Development Control Standards Manual 1999*, reka bentuk dan pemasangan *awning* adalah dibenarkan bagi bangunan rumah kedai dan komersil dengan syarat tidak melebihi

projection 0.3m ataupun 30cm dari bangunan atau sempadan bangunan serta mempunyai ketinggian minimum 3m dari aras tanah.

Walau bagaimanapun, sekiranya reka bentuk atau pemasangan *awning* melebihi had yang ditetapkan, permohonan hendaklah dikemukakan untuk pertimbangan Majlis Perancangan Negeri kerana melibatkan pelbagai isu seperti penyelenggaraan, keselamatan dan juga privasi. Selain itu, berkaitan pemasangan *Closed-Circuit Television* (CCTV) di kawasan komersil, kementerian sedang dalam proses merangka garis panduan pembangunan bandar mampan yang meliputi konsep bandar pintar, bandar selamat dan bandar rendah karbon.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Serembu, berdasarkan koordinasi di antara Jabatan Tanah dan Survei bersama Greater Kuching Coordinated Development Authority (GKCDA) setakat 15 Mei 2026, sebanyak 124 projek di bawah perlaksanaan GKCDA memerlukan kelulusan pertapakan. Daripada jumlah tersebut 78 projek atau 63% permohonan pertapakan telah dikemukakan dan 46 projek atau 37% permohonan pertapakan belum dikemukakan. Daripada 78 projek yang telah dikemukakan, 58 daripadanya telah diluluskan, manakala 20 masih pada pelbagai peringkat pemprosesan. Daripada 20 projek yang berada pada pelbagai peringkat pemprosesan, enam permohonan masih menunggu maklum balas daripada jabatan klien terhadap kuiri daripada Jabatan Tanah dan Survei, 14 permohonan berada pada peringkat akhir pemprosesan di Jabatan Tanah dan Survei dan Majlis Perancangan Negeri. Daripada permohonan yang memerlukan pertapakan, hanya sembilan projek yang melibatkan DUN Serembu. Daripada jumlah itu, hanya lima telah dikemukakan permohonan di mana tiga telah dimuktamadkan manakala dua lagi dalam peringkat pemprosesan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Beting Maro, pelan susun atur bagi SPK Beladin telah diluluskan oleh Majlis Perancangan Negeri. Skim ini dijangka menyediakan sebanyak 309 lot kediaman dan perlaksanaan infrastrukturnya akan dijalankan secara berfasa iaitu Fasa 1 dan 2 yang masing-masingnya menyediakan 104 dan 205 lot kediaman. Pelaksanaan SPK Beladin telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-13 dengan peruntukan RM800,000 dalam *Rolling Plan 2* bagi tujuan reka bentuk infrastruktur. Peruntukan tambahan untuk pelaksanaan infrastruktur akan dikemukakan dalam *Rolling Plan* seterusnya. Minum sebentar *ya,* Tuan Speaker. Manakala, lima projek Skim Pembesaran Kampung (SPK) di Beting Maro iaitu Kampung Pusa Extension, Kampung Sepinang dan Semarang Extension, Kampung Tambak Extension, SPK Kalok dan Kampung Beting Maro Extension telah diluluskan untuk pelaksanaan oleh Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah (LCDA) dalam Rancangan Malaysia Ke-13. Walau bagaimanapun, tiada peruntukan diluluskan untuk melaksanakan projek-projek tersebut dalam tahun 2026. LCDA akan mengemukakan semula permohonan bagi melaksanakan projek dalam tahun 2027 dengan skala yang bersesuaian.

Berhubung dengan pelaksanaan Rumah Spektra Permata di SPK tersebut pula, ianya akan hanya dipertimbangkan tertakluk kepada permintaan dan keperluan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Beting Maro, pihak LCDA telah berbincang dengan beberapa pemain industri berhubung pengoperasian Beladin Slipways namun tiada yang berminat. Oleh yang demikian, pihak LCDA akan terus mengadakan perundingan termasuk dengan pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan juga Persatuan Nelayan Kawasan Beladin behubung dengan kemungkinan mereka menjadi *operator* untuk Beladin Slipways nanti. Saya berharap Ahli Yang Berhormat bagi Beting Maro juga turut sama-sama terlibat dalam rundingan tersebut agar perkara ini dapat kita selesaikan sebaik mungkin untuk manfaat penduduk di Beladin.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Opar, sehingga 30 April 2026, sebanyak 31 kawasan berkeluasan 14,962 hektar atau 36,971 ekar telah diluluskan untuk diukur perimeter di bawah peringkat pertama Program Pengukuran Tanah NCR Inisiatif Baharu di DUN Opar, termasuk empat kawasan yang telah didokumentasi oleh Dayak Bidayuh National Association (DBNA). Daripada jumlah tersebut, 27 kawasan yang termasuk empat kawasan yang didokumentasikan oleh DBNA tersebut berkeluasan lebih kurang 11,825 hektar atau 29,220 ekar telah siap diukur perimeter. Dua kawasan berkeluasan 1,846 hektar atau 4,561 ekar sedang dalam proses pengukuran. Satu

kawasan iaitu Kampung Stungkol Baru berkeluasan 370 hektar atau 917 ekar akan dimulakan pengukuran dalam masa terdekat. Manakala pengukuran bagi satu lagi kawasan berkeluasan lebih kurang 314 hektar atau 776 ekar iaitu Kampung Serayan Hilir tidak dapat dilaksanakan kerana telah terlibat dengan bantahan di lapangan.

Berhubung pengeluaran surat hak milik tanah pula, di bawah peringkat kedua Program Pengukuran Tanah NCR Inisiatif Baharu, sebanyak 1,411 surat hak milik tanah di bawah Seksyen 18 Kanun Tanah Sarawak untuk kegunaan pertanian telah didaftarkan dan sedia untuk diserahkan. Melalui Program Kampung Tradisional pula, sebanyak 413 surat hak milik tanah untuk kegunaan kediaman telah didaftarkan.

Bagi kawasan yang belum diukur tanah NCR mereka, Ahli Yang Berhormat diseru untuk menggalakkan penuntut tanah mengemukakan permohonan secara bertulis lengkap dengan pelan menunjukkan sempadan kawasan dipohon ke Penguasa Tanah dan Survei Bahagian Kuchinig.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Pujut, kerajaan pada tahun 2020 telah meluluskan koloni setinggan Pujut Corner untuk diperuntukkan lot kediaman di Kawasan Penempatan Lusut. Kawasan Penempatan Lusut adalah merupakan kawasan yang telah diluluskan untuk diselesaikan secara in-situ. Bagi penduduk-penduduk yang telah mendiami kawasan berkenaan, kerajaan telah memutuskan untuk mereka dikekalkan di Kawasan Penempatan Lusut ini. Jabatan Tanah dan Survei telah menyediakan pelan susun atur yang bersesuaian dan seterusnya akan memberi fokus kepada mereka yang dikekalkan di kawasan tersebut untuk dikeluarkan dengan Lesen Pendudukan Sementara (TOL).

Sementara itu, bagi koloni setinggan Pujut Corner yang telah ditawarkan untuk ditempatkan di Kawasan Penempatan Lusut sejajar dengan keputusan Jawatankuasa Pengurusan dan Penyelesaian Setinggan Negeri Sarawak, Jabatan Tanah dan Survei kini sedang membuat verifikasi sempadan tanah bagi menentukan kedudukan lot masing-masing. Dalam masa yang sama, kita memohon kerjasama Ahli Yang Berhormat dan penduduk tempatan terutama ketua masyarakat dan ketua kaum di kawasan tersebut sama-sama membantu menyelesaikan perkara ini dengan sebaik mungkin.

Tuan Speaker, saya ada tiga rangkap pantun:

Pagi hari mencari rotan,
Singgah berehat di pokok ara,
Bersama kita menjaga hutan,
Alam sekitar terus terpelihara.

Pergi ke Lawas makan ambuyat,
Pantai Belawai indah berseri,
NCR sahih hak rakyat,
SPS SPK kediaman lestari.

Buluh menghijau menghiasi bumi,
Menyusur sungai jernih di muara,
Nadi bumi sumber ekonomi,
Sarawak makmur rakyat sejahtera.

Di kesempatan ini, saya merakamkan terima kasih kepada Tuan Speaker, Timbalan Speaker dan semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan persidangan kali ini termasuklah kepada pegawai-pegawai di Kementerian serta jabatan-jabatan agensi kerajaan di bawah Kementerian ini.

Saya juga mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha, Selamat Hari Wesak, dan Selamat Hari Gawai kepada semua yang merayakannya. Demikianlah sahaja Ucapan Penggulungan saya bagi Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar. Terima kasih*... (Applause)...*

Tuan Speaker: Ahli-ahli Yang Berhormat, we have a short break. The sitting resumes at 11:20 a.m.

(Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11:02 pagi)

(Mesyuarat dimulakan pada jam 11:44 pagi)

[Tuan Speaker mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Speaker: Dengan hormatnya saya menjemput, Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan, Timbalan Premier dan Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan, untuk menyampaikan ucapan penggulungan.

Timbalan Premier Sarawak; Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan Sarawak; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N. 82 Bukit Sari (YB Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan): Tuan Speaker, sebelum saya meneruskan ucapan penggulungan bagi Kementerian Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan, izinkan saya sekali lagi merakamkan setinggi penghargaan dan tahniah Tuan Yang Terutama di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar atas ucapan pembukaan yang penuh hikmah dan wawasan dan panduan kepada Dewan yang mulia ini.

Seperti yang ditegaskan oleh Tuan Yang Terutama Tun, Sarawak kini berada pada tahap penting dalam perjalanan pembangunannya. Ini merupakan masa yang menuntut keberanian untuk bertindak, kebijaksanaan untuk merancang, dan kesatuan tekad untuk merealisasikan aspirasi PCDS 2030 demi kesejahteraan seluruh rakyat Sarawak. Tuan Yang Terutama Tun turut menekankan keutamaan Sarawak untuk mempercepat pembangunan industri bernilai tinggi seperti tenaga boleh diperbaharui, biro angkasa, semi-konduktor, teknologi hijau dan ekonomi digital.

Dalam masa yang sama, pembangunan bakat tempatan, peningkatan daya saing negeri dan pewujudan lebih banyak peluang ekonomi kepada generasi akan datang mesti terus diperkukuh. Inilah juga komitmen Kementerian saya. Kami yakin masa depan Sarawak tidak hanya bergantung kepada kekayaan sumber dimiliki tetapi kepada keberanian untuk berubah, kesediaan untuk berinovasi dan kemampuan untuk bersaing di peringkat global.

Justeru, Kementerian Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan akan terus memainkan peranan penting dalam memperkukuh perdagangan antarabangsa, memacu pembangunan strategik, menarik pelaburan berkualiti tinggi, memperkasa keusahawan mampan serta mempastikan transformasi ekonomi yang lebih inklusif dan seimbang demi kemakmuran seluruh rakyat Sarawak.

Tuan Speaker, international trade remains a key pillar of Sarawak's economy. It attracts quality investment, creates jobs, expands market access, and strengthens economic resilience. As an open and trade-orientated economy, Sarawak must continue to enhance its competitiveness in regional and global market. Despite global uncertainties during the 12th Malaysia Plan, Sarawak’s trade performances remain resilient.

Total trade grew by an average of 11% annually. Increasing from RM118 billion in 2020 to RM179 billion in 2025. Sarawak also maintain a strong and consistent trade surplus. Export expanded by 12% annually from RM77 billion to RM119 billion. Import grew steadily by 11% from RM40 billion to RM60 billion. Reflecting sustained economic activity, and investment demand.

As a result, Sarawak's trade surplus increased significantly from RM36 billion in 2020 to RM59 billion in 2025. This reflects the strength and competitiveness of Sarawak's export industries.

However, trade moderated in the first quarter of 2026. Export declined by 8.1%, while imports contracted by 9.2% due to softer external demand and ongoing global uncertainties. Nevertheless, Sarawak continued to record a healthy trade surplus of RM15.6 billion, demonstrating the resilience of our economy. The current global trade environment remains challenging, particularly for micro, small and medium enterprises.

Rising logistic, fuel and raw material costs continue to affect businesses across sectors. In response, the Sarawak Government, under the leadership of YAB Premier, introduced additional assistance measures in April 2026 under *Sumbangan Keperluan Asas Sarawak* (SKAS) and related initiatives to ease cost pressure and support business continuity. At the federal level, targeted subsidies, financing assistance and SME development programmes were also introduced to help businesses manage rising costs.

My ministry also engaged with the business association and chambers of commerce on 27th April 2026 to assess the impact of global uncertainties on business operations. Further surveys are now being conducted, and I urge businesses to participate actively so that targeted intervention can be formulated effectively. At the same time, these global challenges present opportunities for Sarawak to strengthen long-term resilience through market diversification, technology adoption and expansion into higher value-added industries.

Moving forward, my ministry will intensify export promotion initiative through market expansion under the Sarawak Global Export Programme, accelerated digitalisation under the digitalisation adoption and development programme, promotions of export-oriented industries through trade, emission and international export. We will also continue strengthening the roles of Sarawak Trade and Tourism Office Singapore (STATOS), and Sarawak Trade and Tourism Office Brunei (STATOB), in expanding exports, diversifying markets, and enhancing Sarawak's presence in Singapore, Brunei, and the wider ASEAN region. Both agencies will play a stronger role in facilitating trade and investment linkages and support SMEs to integrate into global value chain.

Tuan Speaker, private investment remains a major driver of Sarawak's economic growth. It supports industrial expansion, job creation, innovation, and economic diversification. From 2021 to 2025, Sarawak attracted RM116.8 billion in approved investment across the manufacturing services and primary sectors. These investments are expected to generate approximately 28,190 jobs. The manufacturing sector continues to drive investment growth, particularly in high-value and technology-intensive industries such as semiconductors and green metal.

To date, 65% of the total approved projects have been realised, and the remaining projects are in various stages of pre-implementation. Among the key developments is the RM3 billion expansion by X-FAB in Kuching and the RM2 billion investment by OCI Tokuyama Semiconductor Materials in Bintulu. In addition, Western Digital is committed to re-invest RM1.8 billion in the state-of-the-art glass substrate plant to support the AI industry.

Together, these projects are expected to create approximately 1,300 high-skilled jobs and strengthen Sarawak's position in the global semiconductor supply chain. In the first quarter of 2026, Sarawak approved 12 domestic investment projects worth RM347.1 million, mainly in service-related industries. Several foreign investment projects are also undergoing preliminary assessment, particularly in digital technology, renewal energy, and logistics.

Sarawak is also strengthening its position as a regional renewal energy hub through green energy and hydrogen economy initiatives with Bintulu as a transitioning industrial cluster and Kuching as a low-carbon hub. To enhance the investment ecosystem, the Sarawak government is developing Select Sarawak, a single integrated investment management system to improve coordination, accelerate approvals, and facilitate project implementation. At the same time, Invest Sarawak will continue providing end-to-end investor facilitation and support throughout the investment lifecycle.

My ministry remains committed to strengthening Sarawak's industrial ecosystem through the expansion and upgrading of industrial parks and estates across Sarawak. Industrial parks are continuously being upgraded to improve infrastructure, utilities, road connectivity, and industrial land capacity to meet growing investor demand. During the 12th Malaysia Plan, RM128.05 million was allocated for 23 industrial park projects throughout Sarawak.

Six projects have been completed, namely Sematan Industrial Park Phase 1, Sri Aman Industrial Park, Betong Industrial Park Phase 1, Kapit Industrial Park, Samalaju SME Cluster Phase 1 and 2, and Marudi Industrial Park Phase 1. The remaining projects are at various stages of implementation. Looking ahead, RM183.07 million has been approved under the 13th Malaysia Plan for 17 industrial park projects including in the rural areas. These projects will support industrial expansion, regional development, job creation and MSMEs growth.

In this regard, I wish to inform the Honourable Member for Repok that the Sarawak Government has approved the development of Sarikei Industrial Park Phase 2 under the 13th Malaysia Plan. My ministry is currently identifying a suitable site to maximise its socioeconomic impact, particularly in investment generation, job creation, and regional economic growth.

For the information of the Honourable Member for Tamin, the government acknowledges the development potential of Selangau. My ministry will conduct further assessments with the relevant authorities on the suitability of developing a small and medium industrial park in Selangau.

Tuan Speaker, our strategy is to develop integrated industrial clusters where anchor industries can stimulate supporting industries across the supply and value chains. This ecosystem approach will strengthen local participation and generate wider economic spillovers. In line with this, my ministry will continue working closely with MSMEs through upskilling and reskilling programmes to enhance participation in industrial clusters and improve competitiveness.

At the same time, a comprehensive assessment of industrial parks and estates across Sarawak is being undertaken to strengthen their socio-economic, environmental, and governance performance, towards more efficient and sustainable industrial development.

Anjung Usahawan

Tuan Speaker, my ministry remains committed to expanding economic opportunities in rural and underserved areas through the development of *Anjung Usahawan*. This initiative serves as a grassroots entrepreneurship and business incubation platform to stimulate local economic activity, nurture rural enterprises, and strengthen community participation in the economy.

Anjung Usahawan is designed to support MSMEs, particularly start-ups and emerging entrepreneurs, by providing affordable business spaces equipped with basic facilities such as internet connectivity, utilities, and processing infrastructure. By reducing entry barriers and operating costs, this initiative enables entrepreneurs to formalise, establish, and grow their businesses sustainably.

Each *Anjung Usahawan* can accommodate between 10 to 15 MSMEs involved in light processing, food and beverages activities, and local product businesses. Beyond providing business space, the initiative also promotes entrepreneurship, encourages value-added activities, creates local employment opportunities, and strengthens participation in regional supply chains. This will contribute towards more inclusive and balanced economic growth across Sarawak.

Under the 12th Malaysia Plan, five *Anjung Usahawan* projects were completed in Telok Melano, Sematan, Gedong, Sundar, and Lawas. These facilities provide a total of 50 business units and are expected to commence operations this year. Building on this progress, 18 additional projects will be implemented under the 13th Malaysia Plan with an approved allocation of RM72.09 million. These

projects will provide approximately 180 business units in areas including Kuala Lawas, Trusan, Limbang, Dalat, Daro, Lubok Antu, Long Lama, Song, and Bekenu.

With regards to the issue raised by the Honourable Member for Kabong, the *Anjung Usahawan* Kabong project is currently at the pre-implementation stage including the site application process, and construction is expected to commence next year.

Industrial Development

Industrial development remains a key driver of Sarawak's economic growth. It generates strong spillover effects, supports MSMEs, stimulates entrepreneurship, and improves the people's standard of living. Sarawak continues to strengthen strategic industrial development through the expansion of industrial clusters aligned with high growth sectors.

A key priority is the development of free zones as strategic catalysts to strengthen Sarawak's position as a regional hub for trade, logistics, manufacturing, and exports. These free zones are intended to support downstream industries, value-added manufacturing, warehousing, logistics services, regional distribution centres, and international trading activities. They also leverage Sarawak's strategic location within ASEAN, positioning Sarawak as a gateway to Borneo and the wider regional market.

I am pleased to inform this august House that the Ministry of Finance Malaysia has approved Phase 1 of the Samalaju Industrial Port as a free commercial zone, with Samalaju Industrial Port Sdn. Bhd. appointed as the free zone authority. This is a major milestone that will strengthen Samalaju's role as a strategic logistics and trade hub, enhance investor confidence, and improve the industrial ecosystem.

I wish to record our appreciation to all parties involved in realising Sarawak's first free commercial zone port. Meanwhile, applications for free zone status for Miri and Bintulu Ports remain under consideration by the Federal Government, and the Sarawak Government will continue pursuing these approvals.

Tuan Speaker, Sarawak is steadily strengthening its position as a regional leader in the energy transition through green energy and hydrogen economy initiatives. These efforts are creating new opportunities for sustainable industrial growth and positioning Sarawak as a preferred destination for low-carbon investments, with Bintulu as a Transitioning Industrial Cluster and Kuching as a low-carbon hub.

The recognition of Bintulu as a Transitioning Industrial Cluster by the World Economic Forum will further reinforce our position as a strategic hub for sustainable industrial development. This recognition enhances global investor confidence and positions Bintulu to attract high quality investments in green industries, clean energy, and advanced manufacturing. It also supports industrial transformation through technology transfer, innovation, talent development, and greater SME participation in global value chains.

Kuching Low-Carbon Hub is envisioned as an integrated low-carbon industrial ecosystem, combining upstream resource development, carbon management solutions, LNG-to-power generation, downstream processing, and industrial park development, supported by critical infrastructure including gas terminals and deep-sea port. This integrated approach will optimise resource value, attract ESG driven investments, and strengthen Sarawak's competitiveness in the regional and global energy landscape.

To advance this vision, PETROS has established strategic partnerships with leading international companies including China Jiangsu International Economic and Technical Cooperation Group and Sumitomo Corporation. These collaborations have already resulted in several

Memoranda of Understanding involving potential investments of up to RM30 billion over the next decade.

Building on the Sarawak Gas Roadmap, Sarawak continues to accelerate the development of bankable projects, drive industrial expansion, and create long term economic opportunities. The roadmap is expected to catalyse investments of up to RM300 billion and generate up to 180,000 jobs.

At the same time, efforts are being intensified to increase Sarawakian participation across the oil and gas value chain through capability development, improved financing access, and higher industry standards. In the upstream sector, PETROS continues to expand its strategic role through participation in 20 production sharing contracts across offshore and onshore areas in collaboration with domestic and international partners.

In 2026, four major projects are progressing towards Final Investment Decision, covering drilling, exploration, and development activities, with first gas expected from two offshore fields, PC4 and Salbiah in Bintulu and in Miri. These investments valued at more than RM10 billion are critical to ensuring long term energy security and supporting Sarawak's industrialisation agenda.

Onshore, the Adong Kechil West Field in Miri under the SK433 Petroleum Contract remains on track to achieve first oil in the third quarter of 2026, followed by first gas in 2027. This will support power generation capacity in Northern Sarawak including supply to the Miri Combined Cycle Gas Turbine Plant.

PETROS has also strengthened subsurface understanding through the completion of the enhanced Full Tensor Gravity Programme in December 2025, with ongoing interpretation works to support future drilling and resource development. In collaboration with Japan Organization for metals and energy security, PETROS completed a joint prospectivity study covering the Mukah and Balingian areas. The findings confirmed encouraging hydrocarbon potential consistent with the adjacent offshore Balingian province. Two highly prospective areas have been identified for further seismic acquisition planned in 2027.

In Limbang division, additional studies integrating newly acquired gravity data and reprocessed seismic datasets have significantly enhanced subsurface clarity. This is expected to support the discovery of new exploration opportunities and unlock additional resource potential in northern area.

Entrepreneurship Development

Tuan Speaker, MSMEs remain the backbone of Sarawak's economy. In 2024, more than 71,000 enterprises were registered in Sarawak, with nearly three-quarters comprising micro-enterprises. This reflects the strong entrepreneurial spirit at the grassroots level across Sarawak. The services sector continues to dominate the MSME landscape, accounting for 84% of enterprises, meanwhile construction, manufacturing, and agriculture remain important supporting sectors. According to the Department of Statistics Malaysia, Sarawak's enterprise ecosystem expanded significantly between 2015 and 2022. The number of establishments increased by 18%, while gross output surged by 70% to RM356.7 billion.

Value added also increased by 63% to RM165.4 billion, reflecting stronger industrial activity, productivity improvements, and sustained business growth. Fixed asset investments doubled to RM227.9 billion during the same period, demonstrating rising investor confidence and continued industrial upgrading. Employment increased to more than 624,000 workers, while wages and salaries rose by 43%, signalling a gradual transition towards higher-skilled and better-paying jobs. However, intermediate input costs also increased by 76%, reflecting rising production and supply chain pressures. This highlights the importance of improving efficiency, strengthening workforce capabilities, and building more resilient local supply chain to ensure MSMEs remain competitive.

My ministry remains committed to building a more inclusive, structured, and sustainable entrepreneurial ecosystem across Sarawak. Through the *Jum Regista Bisnes* programme, we continue to assist informal businesses to formalise and participate in the mainstream economy. To date, 5,932 entrepreneurs have benefited from the programme, with more than 60% successfully expanding their businesses through better access to contracts, programmes, financing, and markets.

In supporting business growth, the Sarawak Government continues to provide targeted financing assistance through initiatives such as:

(a) Geran Graduan Ke Arah Keusahawanan (GERAK);
(b) Geran Usahawan Teknikal dan Vokasional (USTEV);
(c) Geran Go Digital;
(d) Skim Kredit Mikro Sarawak (SKMS); and
(e) Skim Pinjaman Industri Kecil dan Sederhana (SPIKS)

Under the 12th Malaysia Plan, a total of RM237 million has been channelled to 10,746 entrepreneurs and business owners throughout Sarawak. Beyond financial assistance, my ministry is also strengthened entrepreneurship development through 219 capacity-building programmes involving 11,419 entrepreneurs across Sarawak. These programmes focused on improving business skills, market readiness, certification and compliance standards, as well as digital adoption. To further strengthen market access and product visibility, 157 promotional and expo programmes were organised, benefiting 24,719 MSMEs and generating RM223 million in sales.

In line with the Sarawak's digital economy agenda, 17,746 MSMEs have adopted digital solutions through programmes implemented by my ministry. This represents 59.2 % achievement of the PCDS 2030 target to digitalise at least 30,000 MSMEs. The adoption of digital technology has enabled MSMEs to enhance competitiveness, improve productivity, and expand market opportunities in the digital economy. In this regard, I wish to inform this august House that my ministry has successfully onboarded more than 350 local businesses through the Sarawak Digital Mall initiative, which generated RM12 million in gross merchandise value in 2025.

Overall, more than 47,400 entrepreneurs have benefited from entrepreneurship programmes implemented under the 12th Malaysia Plan. This reflects stronger participation and a growing culture of innovation, resilience, and competitiveness among entrepreneurs in Sarawak.

